



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I

Bil. 22

Hari Khamis

Ihb Ogos, 1991

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL:

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995

(Ruangan 40)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 1hb Ogos, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA - MAJIKAN BERDAFTAR

1. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kewangan menyatakan pada 31hb Disember 1990:

- (a) jumlah majikan yang berdaftar dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, jumlah majikan terlibat dan jumlah ringgit yang dikutip oleh KWSP;
- (b) jumlah majikan yang berdaftar dengan KWSP yang tidak bayar caruman untuk beberapa bulan, jumlah majikan yang terlibat dan jumlah wang terlibat dari (i) pihak majikan dan (ii) pihak pekerja; dan
- (c) apakah tindakan yang diambil terhadap mereka.

2.8.91

19. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah majikan yang tidak mencarum kepada KWSP dalam negara ini dan sejak bilakah berlakunya kecuaiannya itu dan apakah tindakan Kerajaan terhadap majikan yang tidak membuat pencaruman itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon adalah sama dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad yang dijadualkan untuk dijawab pada 2hb Ogos, maka saya mohon menjawab kedua-dua pertanyaan tersebut serentak pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan majikan yang berdaftar dengan KWSP pada 31.12.90 ialah 242,960 dan jumlah caruman yang dikutip oleh KWSP ialah \$46.2 ribu juta.
- (b) Pada 31.12.90 bilangan majikan yang berdaftar dengan KWSP yang tidak membayar caruman bagi satu bulan dan lebih ialah 42,774. Anggaran jumlah wang yang terlibat bagi 42,774 majikan ini ialah sebanyak \$90 juta untuk caruman majikan dan \$74 juta untuk caruman pekerja. Daripada bilangan ini sebanyak 23,085 majikan tidak mencarum untuk tempoh melebihi 4 bulan, manakala bakinya sebanyak 18,959 majikan tidak mencarum untuk tempoh kurang daripada 3 bulan.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan seksyen 43(2) dan, seksyen 48(3) Akta KWSP 1951, tindakan pendakwaan di mahkamah akan diambil ke atas majikan-majikan yang gagal mencarum kepada KWSP. Majikan yang didakwa di bawah seksyen 43(2) iaitu mereka yang gagal membayar caruman sekiranya disabitkan boleh dipenjarakan selama satu tempoh yang tidak melebihi 3 tahun atau didenda tidak melebihi \$10,000 atau kedua-duanya sekali. Majikan yang didakwa dan disabitkan di bawah seksyen 48(3) Akta KWSP, iaitu mereka yang gagal meremitkan caruman pekerja yang telah dipotong daripada gaji mereka boleh dipenjarakan selama satu tempoh yang tidak melebihi 6 tahun atau didenda tidak melebihi \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 5,618 daripada majikan-majikan yang gagal mencarum kepada KWSP telah dikenakan tindakan undang-undang berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung di bawah Akta KWSP, manakala baki selebihnya KWSP sedang mengambil tindakan untuk mentaksirkan jumlah sebenar tunggakan caruman yang terlibat sebelum majikan-majikan tersebut dibawa ke mahkamah untuk didakwa.

Untuk mengurangkan kejadian berlakunya majikan yang tidak mencarum kepada KWSP, sistem penguatkuasaan KWSP telah diperkukuhkan lagi. Selain daripada menjalankan penyiasatan terhadap kes-kes majikan yang tidak mematuhi syarat-syarat pembayaran caruman KWSP,, KWSP juga menjalankan pemeriksaan secara pintu ke pintu terhadap semua syarikat dan perniagaan untuk menentukan semua majikan yang mempunyai pekerja mencarum kepada KWSP.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan-majikan yang gagal membayar caruman, apakah tindakan yang diambil oleh KWSP untuk mengutip balik kadar bayaran caruman yang dihutang oleh majikan-majikan yang berkenaan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengambil tindakan undang-undang, KWSP juga mengadakan perbincangan dengan majikan dari semasa ke semasa dan juga menghantar surat-surat notis. Biasanya kelonggaran diberikan sehingga tempoh 6 bulan sebelum tindakan diambil. Sekiranya seseorang majikan itu tidak mencarum untuk tempoh melebihi 6 bulan, maka barulah KWSP mengambil tindakan undang-undang.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Bolehkah namakan syarikat-syarikat yang tidak bayar caruman?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bilangannya lebih daripada 42,000 maka sukarlah untuk saya-menjawabnya.

AKHBAR DAN MAJALAH - BILANGAN

2. **Dr Nordin Selat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan akhbar dan majalah yang ada di negara ini. Apakah kesemuanya telah memenuhi syarat-syarat yang dikenakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan akhbar yang ada di negara ini ialah sebanyak 1,492 buah. Daripada bilangan ini, jumlah suratkhbar adalah sebanyak 92 buah dan jumlah majalah adalah sebanyak 1,400 buah. Kementerian Dalam Negeri senantiasa mengawasi dan meneliti semua penerbitan-penerbitan yang ada di negara ini bagi memastikan semua penerbit akhbar memenuhi syarat-syarat yang dikenakan. Sekiranya didapati mana-mana penerbitan tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan, Kementerian ini akan mengambil tindakan mengikut lunas undang-undang, khususnya Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjelaskan bahawa adakah Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa kerana persaingan yang kurang sihat di antara akhbar-akhbar, khususnya akhbar—akhbar dalam bahasa Cina yang mana mereka terpaksa

memperbesarkan isu-isu remeh-temeh untuk menarik minat pembaca-pembaca mereka supaya meningkatkan, jualan akhbar mereka dan ini satu persaingan yang kurang sihat antara akhbar-akhbar bahasa Cina. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Dalam Negeri terhadap perkara ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kita memang memahami bahawa persaingan di antara akhbar-akhbar Cina, adalah begitu sengit sekali kerana akhbar bahasa Cina, sahaja ada 33 buah dalam negara kita ini, iaitu merupakan akhbar yang paling banyak sekali, iaitu akhbar harian sahaja 30. Oleh kerana persaingan begitu hebat, jadi tentulah wujud perkara-perkara yang remeh-temeh kadangkala pembaca pun tidak berminat untuk membaca. Bagaimanapun, pihak Kementerian akan melihat ini yang dikatakan remeh-temeh ini. Kalau ianya menjejaskan keselamatan segar dan juga keselamatan awam, maka pihak Kementerian akan mengambil tindakan. Kita tidak mahu kerana persaingan, kita terpaksa-menggadai maruah dan keselamatan negara.

BOMOH TRADISIONAL

3. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
- (a) berapa ramai bomoh-bomoh tradisional yang didaftarkan dengan Kementerian ini; dan
 - (b) adakah kes-kes di mana bomoh-bomoh atau sinseh-sinseh ini mengeksploitasikan.- pesakit-pesakit seperti merogol dan peras ugut.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua pada masa ini undang-undang tidak melarang amalan perubatan tradisional dan belum ada peraturan yang berkehendakkan bomoh-bomoh tradisional mendaftar dengan Kementerian Kesihatan. Oleh kerana itu, Kementerian tidak mendaftar bomoh-bomoh tradisional.

Setakat ini Kementerian tidak ada menerima laporan atau aduan mengenai bomoh-bomoh ataupun sinseh yang mengeksploitasikan pesakit-pesakit. Kes-ke3 yang dilaporkan di dalam akhbar baru-baru ini adalah kes-kes yang berkaitan dengan polis.

PERBICARAAN MAHKAMAH WAKTU LEPAS BEKERJA

4. **Dato' William Chek Lin Kwai**, minta Menteri Kehakiman menyatakan:
- (a) sama ada Kerajaan akan mengadakan perbicaraan kes mahkamah pada waktu lepas bekerja, untuk mempercepatkan kes tertangguh serta menyelesaikan masalah 'backlog';
 - (b) sama ada Kerajaan sanggup menambah bilangan majistret dan pekerja mahkamah bagi tujuan ini seperti dalam siri televisyen 'Night Court'; dan
 - (c) jika tidak, adakah Kerajaan bersedia untuk membayar elaun gaji lebih masa (overtime allowance) bagi mereka yang terpaksa bekerja lebih masa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Kementerian Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum bercadang untuk mengadakan perbicaraan mahkamah pada waktu selepas/bekerja atau, dengan izin, 'night court' untuk mempercepatkan perbicaraan kes tertangguh serta menyelesaikan masalah 'backlog'. Ini adalah kerana Kerajaan perlu mengkaji implikasi pelaksanaan perbicaraan mahkamah pada waktu selepas bekerja dari segi pertambahan Hakim, Majistret dan kakitangan sokongan/ serta peruntukan dan juga jabatan-jabatan yang terlibat dengan pendakwaan. Dengan itu persoalan menambahkan bilangan Majistret dan pertambahan kakitangan mahkamah adalah tidak timbul buat masa ini.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kes yang tertangguh kerana perbicaraan ini ialah kerana peguam terlalu banyak mengambil kes. Jadi, bila dia mengambil kes serentak dengan hari yang dibicarakan itu ada perbicaraan di mahkamah yang lain. Jadi, dia minta izin supaya minta maaf...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalan tambahan itu?

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Soalannya apakah tindakan terhadap peguam yang tidak mahu hadir di mahkamah ketika dipanggil mesyuarat?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang perkara ini telahpun dikaji dan pihak Kementerian akan berusaha dengan Bar Council bagi menentukan bahawa kes-kes yang diambil oleh seseorang peguam itu tidaklah terlalu banyak hingga menyebabkan kes-kes itu tertangguh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

Dr. Nordin Selat: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.5.

DRAMA TAMIL DI TV

5. **Dr Nordin Selat [dibawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah tayangan drama Tamil yang ditayangkan diimport dari negeri India padahal banyak drama-drama Tamil tempatan yang tidak dapat ditayangkan. Sedarkah perbuatan Kementerian Penerangan ini akan memadamkan tenaga pengusaha drama Tamil tempatan. Apakah tindakan Kementerian Penerangan untuk menggalakkan drama Tamil tempatan.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]:

Tuan Yang di-Pertua, RTM memberhenti penyiaran drama Tamil swasta, kerana ianya tidak mendatangkan hasil dari segi penayangannya. Hasil daripada tayangan drama swasta Tamil tempatan adalah sebanyak \$500 setiap episod. Manakala kos pembelian setiap episod drama tempatan adalah di antara \$37,000 hingga \$40,000. Secara bandingan hasil purata daripada tayangan drama yang diimport dari India adalah dalam lingkungan \$3,000 sahaja, manakala kos pembeliannya di antara \$1,200 hingga \$1,500 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jika RTM menyiarkan satu drama Tamil swasta tempatan setiap minggu sekali, RTM akan kerugian antara \$1.5 juta hingga \$2 juta setahun. Namun demikian, RTM tetap menyangkan rancangan tempatan sama ada dalam bentuk drama swasta atau penerbitan hiburan yang lain pada masa-masa perayaan kaum India dan hari-hari tertentu demi menghormati rakyat keturunan India.

Kementerian sedar bahawa penayangan drama-drama dari India akan mengurangkan peluang pengusaha penerbit drama swasta Tamil tempatan. Tetapi Kementerian ini sedia menyangkan drama-drama Tamil yang dihasilkan di negara kita asalkan ianya mempunyai mutu yang boleh diterima dan kadar harga yang berpatutan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan bila disebut di sini drama Tamil, adakah ini termasuk drama Hindi?

Tuan Yang di-Pertua: Tamil - Tamil, Hindi - Hindi.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Adakah termasuk Hindi sekali?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kalau di Malaysia ini, drama India yang diterbitkan hanya drama Tamil sahaja.

RUMAH KOS RENDAH

6. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) sehingga hari ini berapakah jumlah rumah kos rendah yang telah dibina. Apakah Kerajaan sedar, bahawa rumah-rumah kos rendah juga ada dimiliki oleh orang yang berada dan apakah dasar Kerajaan terhadap perkara ini;
- (b) sejauhmanakah Kerajaan sedar bahawa banyak kawasan-kawasan perumahan yang dibina oleh pemaju-pemaju tidak menghiraukan arahan-arahan Kerajaan tempatan (misalnya sistem perparitan yang tidak kemas, bahan binaan yang tidak bermutu dan sebagainya); dan.
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memeriksa rumah-rumah yang dibina sepuluh tahun lalu, misalnya, untuk mengelakkan berlakunya kebakaran akibat pintasan elektrik dan lain-lain sebab yang boleh mengakibatkan kebakaran.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) di bawah Rancangan Malaysia Kelima sebanyak 164,396 unit rumah kos rendah telah siap dibina oleh sektor awam dan swasta di negara ini. Mengenai pemilikan rumah-rumah kos rendah, adalah menjadi dasar Kerajaan supaya rakyat dari golongan berpendapatan rendah yang dapat memiliki

rumah-rumah berkenaan. Bagi mencapai maksud tersebut Kerajaan telah mengadakan garis-panduan tertentu untuk memilih peserta bagi menduduki rumah-rumah berkenaan, khususnya bagi program perumahan kos rendah sektor awam. Umpamanya, bagi program perumahan awam kos rendah, Kerajaan telah menetapkan bahawa mereka yang berpendapatan tidak melebihi \$750 sebulan berkelayakan memohon rumah di bawah program tersebut. Walau bagaimanapun, ingin saya menjelaskan bahawa pemilihan pemilik adalah dikendalikan oleh Kerajaan Negeri masing-masing dengan menggunakan garis panduan yang telah ditetapkan.

Kerajaan Persekutuan tidak bercampur tangan dalam urusan ini. Bagi sektor swasta pula, pemilihan peserta adalah dibuat oleh pihak pemaju sendiri kecuali bagi program khas perumahan kos rendah di mana pemilihan adalah berdasarkan senarai pembeli yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri.

- (b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada menerima beberapa aduan mengenai projek-projek perumahan yang sedang dalam pembinaan. Apabila menghadapi apa-apa aduan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan terus mengambil tindakan mengarah pihak berkuasa tempatan untuk mengkaji dan mengambil tindakan selanjutnya ke atas pemaju-pemaju yang tidak menepati syarat-syarat kebenaran melaksanakan pembangunan yang berkaitan.

Di peringkat Kerajaan Pusat, beberapa Akta telah digubal dan diterima-pakai oleh pihak berkuasa tempatan untuk

mengawal kejadian-kejadian seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, melalui Akta-akta yang digubal ini pihak berkuasa tempatan berhak bertindak menjalankan kerja-kerja pengawasan dan mendenda pemaju-pemaju yang melanggar syarat-syarat yang dipersetujui.

- (c) Mengenai pemeriksaan rumah lama sebenarnya tiada sebarang peruntukan kuasa yang diberikan kepada Jabatan Bomba untuk pemeriksaan tersebut. Namtin begitu, bagi bangunan-bangunan tinggi, Jabatan Bomba memang ada membuat pemeriksaan, dan rekomendasi-rekomendasi untuk memper—tingkatkan sistem pencegahan kebakaran diberikan dengan salinannya kepada Majlis-majlis Tempatan.

Berkenaan dengan pemeriksaan pendawaian elektrik terutama di rumah-rumah tuanpunya bangunan, hendaklah mendapatkan pendawai-pendawai elektrik yang telah ditauliahkan oleh Jabatan Jemaah Pemeriksaan Elektrik untuk menjalankan pemeriksaan dan pengujian.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah rancangan kos rendah ini dari segi harganya yang ditetapkan oleh Kerajaan?

Keduanya, sama ada Kementerian sedar bahawa ada Kerajaan-kerajaan Tempatan yang mentakrifkan kos rendah ini \$100,000 ke bawah?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, untuk rumah kos rendah, bagi seluruh negeri di Semenanjung Malaysia, ialah tidak melebihi \$25,000 dan bagi negeri Sabah dan Sarawak tidak melebihi \$32,000.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa adakah Kementerian bercadang untuk memberi subsidi ataupun insentif-insentif kepada pemaju-pemaju swasta untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah supaya menambahkan lagi bilangan rumah kos rendah untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan ada memberikan berbagai insentif bagi menggalakkan pihak-pihak swasta mengambil bahagian di dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah ini. Sebagai misalan, Kerajaan akaa mengarangkan bayaran sukat tanah. Kerajaan juga akan mempercepatkan proses pelan-pelan yang dikemukakan oleh pihak-pihak swasta di dalam pembangunan yang dikemukakan di mana bukan sahaja pembangunan untuk pembinaan rumah kos rendah, tetapi juga terdapat, dengan izin, mixed development di mana rumah kos rendah juga dibina selain daripada rumah kos sederhana dan juga rumah kos tinggi.

Dengan penjimatan masa itu, maka sudah tentulah ianya memberi makna yang lebih tinggi kepada pengusaha-pengusaha. Selalu daripada itu juga, ada beberapa insentif lalu yang dikenakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menggalakkan pengusaha-pengusaha swasta mengambil bahagian di dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah di negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 7.

SIARAM RADIO MALAYSIA LABUAN

7. **Tuan Isli bin Haji Siput [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada rancangan untuk menambah lagi waktu siaran Radio Malaysia Labuan daripada 8 jam kepada 12 jam memandangkan jumlah pendengar yang bertambah.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua Kementerian Penerangan sentiasa berhasrat untuk menambahkan lagi siaran radio di seluruh negara termasuklah di Pulau Labuan. Buat sementara ini, Kementerian berpendapat 3 jam waktu siaran untuk Pulau Labuan adalah mencukupi. Walaupun banyak suara-suara yang mengatakan waktu siaran perlu ditambah, walau macam manapun, Kerajaan membuat kajian yang dalam sebelum membuat satu-satu keputusan memandangkan sesuai dengan kedudukan Labuan sebagai tax haven.

SOCISO - BANTUAN KEPADA ANAK AHLI

8. **Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sebilangan besar daripada penuntut-penuntut terpaksa meninggalkan pengajian tinggi kerana ibu bapa berpendapatan rendah. Bolehkah SOCISO memberi bantuan, kepada anak-anak ahli-ahli SOCISO yang berpendapatan rendah yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam] : Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Keselamatan Sosial atau PERKESO tidak boleh memberi bantuan kepada anak-anak ahli PERKESO yang berpendapatan rendah yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi memandangkan tidak ada apa-apa peruntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang membenarkannya berbuat demikian.

Tuan V.K.Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan badan SOCISO ini mempunyai wang simpanan yang banyak, tidak ada sebab yang munasabah badan ini tidak dapat memberi bantuan kepada anak-anak penjarum yang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi. Bolehkah Kementerian Sumber Manusia mengambil langkah-langkah yang positif bagi tujuan ini. Jika tidak, mengapa?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, cadangan dari yang Berhormat berkenaan memang baik, tetapi Kementerian Sumber Manusia boleh mengambil tindakan dan membincangkan hal ini, tetapi setakat ini kita tidak ada apa-apa yang hendak dibuat di Kementerian saya.

SKIM PINJAMAN KHAS

9. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah Kementerian Kewangan sudah menyaran kepada bank-bank supaya menyediakan skim pinjaman khas tanpa memerlukan cagaran ~~memada~~ cuma dengan jaminan dari pihak-pihak tertentu bagi industri filem dan television negara ini terutama bagi usahawan dan karyawan muda.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, institusi-institusi kewangan telah berulang kali diingatkan oleh Kerajaan supaya menekankan daya maju sesuatu projek yang ingin dibiayai serta lebih bersifat terbuka terhadap projek-projek yang inovatif dan tidak hanya menekankait soal cagaran. Peringatan itu adalah untuk kemudahan pinjaman bagi semua aktiviti ekonomi termasuk perfileman-

Walau bagaimanapun, adalah agak sukar bagi institusi-institusi kewangan untuk mengenyepikan sepenuhnya faktor cagaran terutamanya untuk pemohon pinjaman yang tidak mempunyai rekod pinjaman. Ini memandangkan bahawa institusi-institusi kewangan juga perlu menjaga kepentingan kumpulan wang kereka kerana pinjaman yang diberikan oleh mereka adalah terdiri daripada tabung penyimpan-penyimpan yang telah memberikan kepercayaan kepada mereka.

Oleh yang demikian, pihak bank juga terpaksa berhati-hati dan tertib dalam memproses dan memberi pinjaman. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bank Pembangunan Malaysia mengendalikan skim pinjaman khas perfileman tanpa cagaran. Skim ini menyediakan pinjaman untuk filem-filem bagi program television. Ia dimulakan sejak tahun 1988 dan sehingga ini sebanyak 60 permohonan telah

diterima di mana 23 permohonan telah diluluskan dengan jumlah pinjaman kira-kira \$1.2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar masalah cagaran yang dihadapi oleh peminjam-peminjam dalam mendapatkan kemudahan pinjaman daripada institusi kewangan. Selaras dengan ini syarikat jaminan kredit telah ditubuhkan dalam tahun 1972 untuk membantu usahawan kecil yang kekurangan cagaran atau tidak mempunyai sebarang cagaran. Skim-skim jaminan yang dikendalikan oleh syarikat ini diubahsuai dari semasa ke semasa bagi memenuhi kehendak usahawan kecil.

Dalam tahun-tahun awal penubuhannya, syarikat jaminan kredit hanya mengendalikan skim jaminan untuk beberapa jenis peniagaan sahaja tetapi sekarang ini ia diperluaskan kepada semua jenis peniagaan yang dijalankan oleh usahawan kecil. Skim yang ada sekarang ini dinamakan skim jaminan utama di mana kesemua 38 buah bank perdagangan adalah terlibat dalam pelaksanaan skim ini dan usahawan kecil boleh memohon melalui mana-mana, cawangan bank yang mereka pilih

Kadar faedah bagi skim ini adalah disandarkan pada 1.5 mata peratusan di atas kadar asas pinjaman bank individu ataupun 9% setahun yang mana lebih rendah. Di samping itu syarikat jaminan kredit juga mengendalikan skim pinjaman untuk penjaja dan pihak peniaga kecil tanpa cagaran dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun dan had pinjamannya ialah sebanyak \$5,000.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan.

No. 10.

PEJABAT/PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN DI NEGERI

10. **Tuan Chong Chi Siong [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk meninggikan taraf pejabat-pejabat Kementerian berkenaan di peringkat negeri-negeri supaya semua pejabat-pejabat mempunyai kakitangan yang cukup dan 'pegawai' negeri dinaikkan taraf 'pengarah'.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuua Yaag di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian daa Pelancongan telahpun mengambil tindakan untuk mewujudkan pejabat atau pusat kebudayaan dan kesenian di peringkat negeri. Cadangan ini juga telah diterima oleh agensi pusat dan, insya Allah, akan dapat mula beroperasi ditahun hadapan iaitu tahun 1992.

Tuan Ghazali bin Haji Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terhadap kebudayaan Thailand yang masuk ke Kelantan baru-baru ini. Apakah tindakannya? Jadi, saya rasa lebih menjolokmata lagilah kebudayaan yang dimenunjukkan tempoh hari. Apakah tindakan?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya ialah taraf pejabat-pejabat di negeri. Jadi, itu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

PERSIDANGAN TAMADUN MELAYU

11. **Puan Law Jack Yoon [di bawah S.O. (23(2))]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan selepas Persidangan Tamadun Melayu di Kuala Lumpur beberapa tahun yang lalu terdapat satu resolusi untuk menubuhkan "Pusat Penyelidikan Tamadun Melayu" di Kuala Lumpur. Adakah rancangan ini akan dilaksanakan dan bilakah masanya.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dalam Persidangan Tamadun Melayu Kedua di Kuala Lumpur pada tahun 1989 yang lalu, sebenarnya tidak ada resolusi yang telah dipersetujui untuk menubuhkan "Pusat Penyelidikan Tamadun Melayu" di Kuala Lumpur. Oleh itu, soal bahagian kedua daripada soalan Yang Berhormat berkenaan tidaklah berkaitan.

FILEM KEGANASAN DAN SEKS - SEKATAN

12. **Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kementerian menyekat filem-filem yang beransur keganasan dan seks dari seluruh negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri menyekat filem-filem yang berunsur keganasan dan seks dengan tiga cara iaitu:-

- (a) Filem-filem yang diimport akan ditahan di gudang Jabatan Kastam seperti mana dikehendaki oleh

undang—undang. Filem-filem hanya boleh dikeluarkan dari gudang tersebut setelah mendapat permit dari Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri. Filem-filem tersebut yang disita oleh Jabatan Kastam akan terus dibawa ke Lembaga Penapisan Filem;

- (b) Filem yang disimpan oleh Lembaga Penapisan Filem hanya boleh dikeluarkan untuk tontonan orang ramai setelah ditontontapis oleh Lembaga dan Sijil Penapisan Filem diberi;
- (c) Kementerian juga mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas premis-premis penayangan atau penjualan filem atau video seperti pawagam, pusat video dan pusat jualan video untuk menentukan tiada filem-filem yang tidak mempunyai Sijil Penapisan Filem dipamerkan, disewa, dijual atau ditayang.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan babak-babak atau filem-filem seks dikategorikan kelas R telah ditayangkan di negara jiran kita untuk keperluan rakyat, adakah Kementerian bercadang menyelaraskan dengan Kementerian. Penerangan melonggarkan syarat-syarat penapisan demi keperluan orang dewasa di negara kita pada masa akan datang? [Ketawa]

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penapisan Filem di bawah Kementerian Dalam Negeri tidak akan bertolak-ansur dengan perkara-perkara seperti seks, keganasan, agama, perkauman, perhubungan antarabangsa juga perkara-perkara yang kolot dan khayal. Jadi perkara-perkara ini akan dititikberatkan dan kita tidak akan bertolak ansur dan tidak akan meniru negara-negara jiran.

KEMENTERIANBARU-PENUBUHAN

13. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang hendak menubuhkan satu lagi kementerian baru khasnya untuk "minyak petrol dan LPG" di negara ini, yang diketuai oleh seorang Menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum tanggungjawab mengenai urusan pembangunan dan aktiviti-aktiviti petroleum termasuk LPG adalah terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri dan seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah khusus bertanggungjawab mengenainya. Kerajaan berpuas hati dengan organisasi pentadbiran sedemikian dan oleh itu tidak bercadang, untuk menubuhkan sebuah Kementerian baru bertanggungjawab mengenai pengurusan dan pembangunan minyak petrol dan LPG di negara ini.

KEDIAMAN ORANG ASLI - MENGINDAHKAN

14. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, menyatakan adakah perancangan menyeluruh mengindahkan lagi di sekitar kediaman Orang Asli berpotensi bagi tarikan pelancongan serta melibatkan mereka dari segi Kesenian dan Kebudayaan, sebagai daya tarikan pelancongan.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa kediaman Orang Asli merupakan satu-satunya kawasan yang berpotensi untuk menarik pelancong-pelancong. Keunikan hasil kerjatangan mereka sentiasa mendapat perhatian Kerajaan. Justeru itu dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan /telah menyediakan peruntukan untuk membangunkan kawasan serta meningkatkan aktiviti-aktiviti Orang Asli di Cameron Highlands, di Pahang dan Pulau Carey di Selangor. Kerajaan juga sentiasa mengenengahkan kumpulan kesenian Orang Asli untuk mengambil bahagian dalam pesta-pesta dan majlis keramaian dari masa ke masa.

15. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan visi Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju pada tahun 2020, adakah Kerajaan bercadang membina sebuah universiti lagi untuk penuntut-penuntut kita sebab ramai daripada pemohon yang mempunyai keputuaan yang baik tidak berjaya memasuki universiti tempatan di samping itu kos pendidikan yang tinggi di luar negeri adalah terlalu mahal untuk mereka belajar di sana.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan peka terhadap Dasar Kerajaan dan juga visi Perdana Menteri. Ia dijadikan panduan kepada perancangan program pendidikan tinggi.

Buat masa kini Kerajaan belum bercadang untuk membina sebuah universiti lagi. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah menambah bilangan tempat di universiti-universiti tempatan dengan memastikan bidang-bidang tertentu yang diperlukan bagi mencapai matlamat tersebut. Ia bermakna perancangan Kementerian terhadap program pendidikan tinggi bagi Rancangan Malaysia Keenam dan seterusnya akan menggunakan visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai landasan dalam perancangan dan perlaksanaannya.

LATIHAN KEMAHIRAN KEPADA BELIA

16. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah belia yang, telah mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan sekarang;
- (b) apakah jenis kursus-kursus itu;
- (c) ke manakah mereka itu ditempatkan setelah mereka tamat kursus tersebut; dan
- (d) apakah tindakan susulan yang telah dibuat terhadap mereka itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said] : Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sekiranya takrif kursus yang terdapat dalam soalan Yang Berhormat ini bermaksud ditujukan kepada kursus kemahiran dan keusahawanan, maka sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian Belia dan Sukan buat masa ini mempunyai enam buah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang melatih dalam berbagai bidang kemahiran dan satu buah institut kemahiran khusus untuk melatih belia dalam bidang keusahawanan. Kesemuanya ini telah melahirkan 24,224 orang belia terlatih dalam berbagai-bagai jurusan.

Selain daripada latihan berbentuk institusi, Kementerian ini juga ada menjalankan kursus berbentuk bukan institusi iaitu program Latihan Sambil Kerja yang memakan masa di antara enam bulan hingga satu tahun. Sehingga kini 23,123 orang belia telah dilatih melalui program ini dalam berbagai bidang dari tahun 1972 hingga 1991.

- (b) Senarai jenis kursus yang dijalankan di IKBN adalah panjang. Saya minta ~~ini~~ untuk sampaikan secara bertulis. Walau bagaimanapun, memadai dinyatakan di ~~sini~~ bahawa jenis-jenis kursus boleh diringkaskan seperti berikut:-

| | Tempat | Jenis Kursus |
|-----|-------------------------------------|--------------|
| (a) | IKBN, Pertak | 6 |
| (b) | IKBN, Dusun, Tua | 14 |
| (c) | IKBH, Skudai, Johor | 6 |
| (d) | IKBN Tertinggi Belia Negara, Sepang | 12 |
| (e) | IKBN, Jitra, Kedah ⁴ | |
| (f) | IKBN, Terengganu | 5 |
| (g) | IKBM, Ipoh, Perak | 36 |
| | Jumlah | 83 |

- (c) Ramai pelatih-pelatih yang telah tamat latihan di IKBN telah berjaya memasuki pasaran kerja di sektor swasta yang memerlukan pekerja mahir dan ada juga yang dapat bekerja dengan Kerajaan. Terdapat juga bekas-bekas pelatih-pelatih ini menjalankan peniagaan sendiri dan juga menjalankan perumahaan sendiri. Terdapat juga di antara mereka yang berjaya memasuki ke Pusat Latihan Peringkat Menengah dan Tertinggi di institusi latihan yang lain yang terdapat di negara kita.
- (d) Pihak Kementerian- Belia dan Sukan telah menjalankan tiga bentuk program sebagai tindakan susulan kepada bekas—bekas pelatih.

(1) Program mengesan Semula.

Program Mengesan Semula ini dijalankan melalui IKBN masing-masing di seluruh negara. Hasilnya didapati bahawa kebanyakan mereka yang dikesan telah mendapat tawaran bekerja yang baik di sektor swasta.

(2) Program Membantu

Di bawah program ini, bekas-bekas pelatih yang ingin menjalankan perusahaan dan perniagaan sendiri akan diberi pinjaman modal melalui Tabung Kumpulan Amanah Ekonomi Belia dan juga membantu mereka mendapatkan pinjaman dari institusi pinjaman yang lain seperti MARA dan sebagainya.

(3) Program Memberi Kursus Susulan

Di bawah program ini Kementerian Belia dan Sukan sentiasa menjalankan kursus-kursus susulan yang meliputi bidang motivasi, keusahawanan dan pengurusan. Kursus-kursus ini dijalankan di setiap negeri dan IKBN.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam pengambilan atau penyertaan sesuatu peserta di dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, macam manakah sambutan belia-belia daripada kaum keturunan India Adakah mereka membuat permohonan di dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian?

Dato' Ismail bin Said: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya Kementerian saya ada menerima permohonan daripada belia-belia keturunan India dan sebahagian besarnya kami terima mereka ini sebagai pelatih di pusat Latihan Belia Kementerian. Belia dan Sukan dan dari segi angka-angkanya bolehlah saya beri notis kepada Yang Berhormat kelak.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai Latihan Sambil Kerja, adakah dibayar elaun kepada belia dan jika dibayar, berapa upahnya?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah ya. Yang kita beri kepada mereka ini ialah sebanyak \$60 sebulan seorang.

PROJEK PENYALURAN AIR SUNGAI MUAR-EMPANGAN DURIAN TUNGGAL

17. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta** Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) bilakah sambungan paip air dari Sungai Muar ke Empangan Durian Tunggal akan dimulakan;
- (b) bilakah dijangka siap projek itu; dan
- (c) berapakah anggaran jumlah kos melaksanakan projek tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan,

- (a) Projek penyaluran air daripada Sungai Muar ke Empangan Durian Tunggal dijangka bermula dalam bulan Ogos tahun ini.
- (b) Projek tersebut dijangka akan dapat disiapkan dalam tempoh kurang, daripada 24 bulan dari tarikh, permulaan kontrak.
- (c) Anggaran jumlah kos projek tersebut masih belum dapat dipastikan kerana rundingan harga kontrak masih belum bermula dan dijangka bermula dalam sedikit masa lagi.

TUNTUTAN KERUGIAN KEMALANGAN

18. **Tuan K. Vijayanathan** minta Menteri Kehakiman menyatakan bolehkah Menteri bersetuju bahawa sebahagian besar kes-kes yang telah difailkan dalam Mahkamah adalah berkaitan kepada tuntutan kemalangan dan jika demikian adakah. Kerajaan akan memberi pertimbangan untuk membuat pengkajian faedah—faedah penguntungan dan keuntungannya dan jika Kerajaan menimbang semula untuk memperkenalkan skim insuran tiada salah (no fault insurance scheme) bagi mangsa-mangsa kemalangan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon menjawab bagi, pihak Menteri Kehakiman. Adalah tidak benar bahawa sebahagian besar dari kes-kes yang difailkan di mahkamah adalah berkaitan dengan tuntutan kemalangan. Sebagai contohnya saya berikan di sini pendaftaran kes-kes di Mahkamah Sesyen Wilayah Persekutuan, dan Mahkamah Magistret Persekutuan tahun 1988, 1989 dan 1990.

Tahun Jumlah kes sivil yang di Tuntutan kerugian

| | daftar di Mahkamah Sesyen Wilayah Persekutuan | Kemalangan |
|-------|---|---------------------------------|
| 1988 | 6,619 | 570 |
| 1989 | 4,968 | 574 |
| 1990 | 4,341 | 624 |
| Tahun | Jumlah kes sivil yang di daftar di Mahkamah Magistret Wilayah Persekutuan | Tuntutan Kerugian Kemalangan |
| 1988 | 24,292 | 983 |
| 1989 | 21,514 | 1,042 |
| 1990 | 23,458 | 1,071 |

Kerajaan belum bercadang untuk menimbang semula untuk memperkenalkan skim insuran tidak salah, dengan izin, No.Fault Insurance Scheme bagi mangsa-mangsa kemalangan.

KWSP - JUMLAH AHLI

19. **Puan Kalthom binti Haji Othman** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah keahlian KWSP sehingga 30hb Jun lalu;
- (b) bilangan pencaruman sejak ia ditubuhkan;
- (c) bilangan pencaruman yang sudah mengambil simpanan
- (d) bilangan pencaruman yang berusia 55 tahun ke atas yang tidak membuat tuntutan;
- (e) apakah sebab-sebab tuntutan tidak dibuat dan apakah usaha supaya mereka atau waris mereka menuntut caruman masing-masing; dan
- (f) apakah langkah yang akan diambil jika wang caruman itu akhirnya tidak juga dituntut oleh ahli atau waris mereka

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mengenai (a) dan, (b) soalan:

Bilangan pencarum yang didaftar dengan KWSP sehingga 30hb Jun, 1992 ialah 6.2 juta orang berbanding dengan 6.02 juta pada 31hb Disember 1990.

(c) Sehingga 30hb Jun 1991 sejumlah 1.8 juta perncarum telah mengeluarkan simpanan mereka berjumlah \$6,292 juta di bawah pelbagai skim pengeluaran yang ditadbirkan oleh KWSP.

(d) Pada 31hb Jun 1991, bilangan pencarum KWSP yang berusia 55 tahun ke atas yang tidak memohon untuk mengeluarkan simpanan mereka ialah 172,647 orang.

(e) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di antara sebab-sebab kenapa caruman KWSP tidak dituntut adalah seperti berikut:

- (1) Ahli-ahli atau penama ataupun waris berkenaan tidak menyedari tentang adanya simpanan di KWSP;
- (2) Ahli-ahli yang berkenaan telah berhijrah ke negara lain.

Untuk mengesan ahli-ahli yang berkenaan KWSP dengan bantuan Jabatan

Pendaftaran Negara, Syarikat Telekom Malaysia dan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia cuba memperolehi alamat terbaharu ahli-ahli yang terlibat. Selain dari itu tiap-tiap tahun KWSP menerbitkan Buku Simpanan yang tidak dituntut yang mengandungi senarai ahli-ahli yang masih belum mengeluarkan semua caruman KWSP mereka. Buku ini boleh dirujuk oleh orang ramai di mana-mana Pejabat KWSP, PERKESO, Jabatan Buruh dan Jabatan Penerangan di seluruh negara.

Selain daripada itu, KWSP juga sedang mengambil langkah-langkah melalui di media massa untuk menimbulkan kesedaran di kalangan pencarum-pencarum KWSP tentang hak-hak mereka.

(f) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya selepas tempoh 10 tahun seseorang ahli KWSP mencapai umur 55 tahun dan ia tidak mengeluarkan carumannya, maka caruman ahli tersebut akan dipindahkan ke Akaun Rizab Khas Ahli. Caruman-caruman ahli berkenaan akan disimpan dalam rizab ini selama 10 tahun dan ahli berkenaan masih boleh menuntut pengeluaran caruman mereka bersama dengan dividen dari Akaun Rizab Khas ini. Selepas tempoh tersebut iaitu 10 tahun, Lembaga KWSP boleh memindahkan jumlah wang dari Akaun Rizab Khas ini ke Akaun Lebihan Terkumpul KWSP .

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen, orang-orang yang telah meninggal dunia, sama ada dari segi Islam orang-orang yang telah meninggal dunia wang ini boleh diberi mengikut faraid atau mengikut penama yang telahpun diberi oleh si mati.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan, wang caruman itu hendaklah diserahkan kepada waris yang dinamakan dalam borang yang disediakan oleh KWSP.

SEKOLAH TAMBAHAN

20 **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Pendidikan menyatakan berikutan dengan keperluan bangunan sekolah-sekolah tambahan dan sekolah-sekolah baru di Malaysia yang amat banyak, berapakah jumlah bangunan sekolah-sekolah yang diperlukan untuk tahun 1991, 1992 dan 1993 mengikut negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan sekolah tambahan kepada bilangan yang sedia ada yang diperlukan berdasarkan kepada unjuran pertambahan murid mengikut tahun dan untuk tahun-tahun yang dipohonkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, di sini ialah tahun-tahun 1991, 1992 dan 1993 mengikut negeri adalah begitu banyak Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta izin untuk menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

SEKOLAH BANTUAN PENUH/BANTULAH MODAL.

21. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan kenapa sekolah-sekolah di negara ini dikelasifikasikan sebagai sekolah bantuan penuh dan sekolah bantuan modal. Dengan keadaan sedemikian bagaimanakah sekolah-sekolah dapat menghasilkan murid-murid yang berkualiti dari segi pendidikan dan melahirkan satu generasi yang maju di tahun 2020, dari semua jenis sekolah.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya sekolah bantuan penuh bukan milik Kerajaan mengikut Akta Pelajaran 1961 dan diberi "grant-in-aid" atau bantuan pengurusan yang sama seperti sekolah-sekolah lain di bawah Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, ia tidak dapat diberi bantuan modal atau bantuan pembangunan yang sepenuhnya oleh kerana tapak sekolah tersebut dimiliki oleh pihak-pihak persendirian. Institusi-institusi pendidikan yang sedia ada boleh memainkan peranan yang sangat penting bagi menghasilkan murid-murid yang berkualiti dari segi pendidikan dan melahirkan satu generasi yang maju seperti yang diharapkan dalam Wawasan 2020.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sekolah-sekolah Tamil itu kebanyakan berada dalam estet-estet. Macam mana orang-orang estet boleh memiliki tanah itu? Mereka ini tidak mampu, Adakah cadangan oleh Kementerian mengambil alih semua tanah-tanah di mana sekolah itu terletak di estet-estet? Kita sudah merdeka 34 tahun, kita ada istilah bantuan modal, bantuan penuh, ini tidak diterima oleh rakyat,

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar mengenai masalah-masalah dalam Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) dan sekolah-sekolah bantuan di negara kita, lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan luar bandar di mana kita masih perlu membangunkan sekolah masing-masing, untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kita untuk pendidikan anak-anak kita. Cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat, kalau boleh dijalankan, kita mungkin pertimbangkan.

SENJATAPI BAGI ANGGOTA RELA

22. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah syarat bagi seseorang anggota RELA layak memiliki senjatapi;
- (b) berapakah jumlah kemalangan senjatapi berlaku di kalangan anggota RELA sejak dibekalkan senjata tersebut; dan
- (c) apakah langkah yang diambil berikutan peristiwa berdarah di Kelumpang Selangor oleh anggota RELA yang dikatakan panas baran.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Syarat-syarat kelayakan memiliki senjatapi oleh anggota RELA adalah seperti berikut:
 - (i) Berumur di antara 23 hingga 54 tahun;

- (ii) mempunyai tubuh badan yaag sihat dan tidak cacat salah satu anggota atau pacainderaannya;
 - (iii) tidak pekak atau bisu;
 - (iv) telah menjadi Ahli RELA sekurang-kurangnya 5 tahun;
 - (v) tidak mempunyai rekod jenayah;
 - (vi) telah menghadiri sama ada kursus asas atau kursus tempatan.
- (b) Bilangan kemalangan senjatapi yang melibatkan anggota-anggota RELA sehingga kini sejak tahun 1973 ialah sebanyak 49 kes,
- (c) Satu program khas yang dinamakan Perhimpunan Khas Pemegang-pemegang Senjatapi RELA telahpun dlmulakan pada Disember, 1990 bagi bertujuan untuk meningkatkan kewaspadaan dan kesedaran di kalangan ahli-ahli RELA bagi mengurangkan kemalangan-kemalangan senjatapi Peristiwa berdarah yang Ahli Yang Berhormat maksudkan itu adalah satu tragedi yang mana timbul dari faktor-faktor kemanusiaan yang kadangkala di luar kawalan dan dugaan sesiapa.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian bercadang bagi setiap anggota RELA yang hendak mendapatkan senjatapi ini mesti menerima ujian kesihatan, daripada doktor sama ada panas baran atau tidak? Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kemalangan seperti ini bukan hanya berlaku kepada ahli-ahli RELA, yang mana kita tahu bahawa kurang asas ketenteraan mereka adalah tidak sepertimana tentera dan polis, tetapi kalau kita dengar penyalahgunaan atau tragedi seperti ini juga berlaku di kalangan tentera dan juga polis. Bagaimanapun kalau sekiranya ada satu alat yang bersesuaian untuk menentukan berapakah tahap seseorang itu dalam segi panas barannya bolehlah kita gunakan, tetapi buat setakat ini kita akan melihat dan kacamata kasar panas baran seseorang itu, sebelum senjatapi diberi.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang memberi permit-permit kepada ahli-ahli RELA menembak musuh tanaman seperti tupai, babi hutan dan lain-lain supaya mereka tidak diganggu oleh Jabatan Perhilitan demi kebaikan petani-petani?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada permit-permit untuk memiliki senjatapi secara persendirian, ahli-ahli RELA juga dibekalkan iaitu satu unit yang aktif 4 pucuk senjatapi. Di samping itu pula kita juga akan memberi satu permit C&U (Carry and Use) kepada ahli-ahli RELA yang mempunyai rekod yang baik, agar mereka boleh menggunakan senjatapi ini untuk membasmi musuh-musuh tanaman.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan. No.23.

NELAYAN ASING MENCEROBOH PERAIRAN MALAYSIA

23. **Puan Law Jack Yoon** [di bawah S.O. 23(2) minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah kutipan denda yang dikenakan kepada nelayan asing yang menceroboh perairan Malaysia dalam tempoh 6 bulan yang lalu;
- (b) jumlah wang yang dibayar dan jumlah bot yang dirampas; dan
- (c) dengan memperkenalkan tindakan mendenda dan merampas bot-bot yang menceroboh perairan Malaysia adakah ianya telah memberi kesan mengurangkan pencerobohan. Kalau tidak, apakah langkah-langkah yang sedang diatur bagi memastikan pencerobohan itu akan berkurangan

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) jumlah denda yang dikenakan kepada nelayan-nelayan asing yang mencerobohi perairan perikanan Malaysia dalam tempoh Januari 1991 hingga 14hb Julai 1991 ialah sebanyak \$51,295,600.
- (b) pada kebiasaannya nelayan-nelayan asing yang dikenakan denda tidak dapat membayarnya. Oleh sebab itu, mengikut hukuman mahkamah mereka dipenjarakan.
- (c) tindakan mendenda dan merampas bot-bot asing merupakan satu tindakan positif dan berkesan terhadap kegiatan menghalang pencerobohan nelayan-nelayan asing. Walau bagaimanapun, masih ada nelayan-nelayan asing yang berdegil dan mencerobohi perairan perikanan Malaysia. Data tangkapan bot-bot nelayan asing telah menunjukkan jumlah tangkapan bot-bot asing telah

meningkat dari tahun 1986-1991. Tetapi ini tidak bererti pencerobohan bot-bot nelayan asing telah meningkat.

Ini juga menjelaskan bahawa tindakan agensi-agensi penguatkuasaan maritim adalah berkesan dalam membanteras pencerobohan nelayan-nelayan asing.

Tambahan pula bilangan laporan mengenai kerosakan peralatan menangkap ikan dan gangguan-gangguan terhadap nelayan tempatan telah berkurangan. Langkah-langkah membenteras pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing akan diteruskan melalui rondaan di laut dan udara serta operasi-operasi bersama oleh semua agensi-agensi penguatkuasaan maritim termasuk Jabatan Perikanan, Tentera Laut Di-Raja Malaysia, Tentera Udara Di-Raja Malaysia dan Polis Marin.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat penjelasan dari Timbalan Menteri yang berkenaan, bot-bot nelayan asing yang dirampas ini disimpan di mana dan berapa jomlahnya, kerana apa yang telah difahamkan dahulu Kementerian berjanji hendak buat penjara bot ini di Terengganu, tetapi sehingga hari ini tidak nampak lagi kesan penjara sama ada dalam laut atau atas darat?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, bot-bot yang dirampas adalah disimpan di beberapa tempat dan apabila difikirkan sesuai, bot-bot yang dirampas itu digunakan untuk tukun tiruan, dan kadang-kadang kalau agensi-agensi Kerajaan memohon, kita akan memberi bot-bot ini atau menjual bot-bot ini dengan nominal price tetapi bot-bot ini tidak akan dijual kepada pihak-pihak lain.

SYARIKAT-SYARIKAT INSURAN — TINDAKAN

24. **Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pengawalan Kerajaan ke atas syarikat-syarikat insuran. Adakah syarikat-syarikat insuran memenuhi soal kebajikan masyarakat. Apakah tindakan Kerajaan terhadap syarikat-syarikat insuran yang melengah-lengahkan pembayaran pampasan kepada pelanggannya.

Tuan Muta bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, industri insuran diletakkan di bawah pengawalan dan pengawasan Bank Negara Malaysia dengan berpandukan kepada Akta Insuran 1963. Bank Negara bertanggungjawab untuk menentukan perniagaan insuran negara ini dikendalikan dengan cara yang teratur dan memberi perkhidmatan yang sempurna kepada pemegang-pemegang polisi serta orang ramai. Dalam mengawasi industri insuran peranan yang dimainkan oleh Bank Negara termasuklah:

- (a) mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan operasi syarikat-syarikat insuran dengan menitikberatkan pengawalan solvency dan pelaburan syarikat-syarikat insuran serta menjalankan pemeriksaan di premis-premis syarikat bagi memastikan perniagaan ini dijalankan dengan teratur dan sempurna.
- (b) merumus dasar dan peraturan-peraturan yang tertentu yang melibatkan perniagaan insuran; dan
- (c) mengawasi serta menentakan bahawa segala dasar dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara

dipatuhi oleh syarikat-syarikat insuran. Industri insuran memberi sumbangan penting kepada kebajikan orang ramai dengan menyediakan perkhidmatan insuran bagi melindungi kepentingan pihak-pihak tertentu yang ditimpa oleh sesuatu kemalangan iaitu dengan membayar pampasan kepada orang yang diinsurankan atau mereka di bawah tanggungannya bagi meringankan bebanan kewangan mereka. Dengan adanya bayaran pampasan dari perlindungan insuran, pihak-pihak yang tertimpa mala-petaka boleh meneruskan aktiviti masing-masing melalui pampasan yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua Kerajaan memandang berat aduan-aduan yang diterima dari orang ramai terutamanya terhadap kelewatan syarikat-syarikat insuran menyelesaikan tuntutan. Semua aduan yang diterima akan disiasat dan jika didapati syarikat-syarikat insuran sengaja melambat-lambatkan proses penyelesaian, syarikat yang terlibat akan diminta supaya mempercepatkan pembayarannya.

Pada masa—masa lepas arahan ini sentiasa dipatuhi oleh syarikat-syarikat insuran. Sekiranya didapati arah aliran aduan ini terus-menerus terhadap sesebuah syarikat insuran, Bank Negara akan menjalankan pemeriksaan ke atas syarikat tersebut bagi menentukan kedudukan kewangan syarikat itu dalam menghadapi segala liabilitinya, terutama tuntutan dari orang awam, tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya sesebuah syarikat insuran didapati menghadapi masalah kewangan, misalnya dengan meminta mereka menambahkan modal.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, adakah

Kementerian telah mendapati syarikat-syarikat insuran yang tidak mengikut peraturan Bank Negara ataupun tidak mematuhi garis panduan yang dikeluarkan Bank Negara?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat kira-kira 10 buah syarikat insuran yang gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank Negara dan seperti sedia maklum Merchantile Insurance telahpun diambilalih oleh Bank Negara pada masa sekarang ini.

PENSYARAH DI UNIVERSITI-UNIVERSITI - KEKURANGAN

25. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan pensyarah-pensyarah di beberapa buah Universiti.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan pensyarah di beberapa buah universiti tempatan pada keseluruhannya tidaklah begitu ketara dan masalah berkenaan sentiasa diambil perhatian oleh pihak pengurusan universiti.

Langkah—langkah yang diambil oleh pihak pengurusan universiti untuk mengatasi masalah berkenaan ialah dengan membuat pengambilan baru tenaga pensyarah dari masa ke semasa. Kita memberi galakan kepada pensyarah muda untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat Doktor Falsafah serta membuat kursus kepakaran di bidang yang khusus dan mengambil tenaga pengajar asing yang pakar serta berkaliber bagi meningkatkan pencapaian kecemerlangan universiti tempatan.

INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA, SABAH

2b. **Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bilakah Pusat Latihan Belia di Sabah seperti yang dijanjikan akan dibina dan apakah kemudahan-kemudahan yang ada pada pusat latihan tersebut dan berapakah kos pembinaannya.

Dato' Ismail bin Said: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan memang ada dalam perancangan untuk menubuhkan Institut Kemahiran Belia Negara bagi negeri Sabah dan juga negeri-negeri lain mengikut keperluan tenaga mahir untuk pembangunan perindustrian di negara ini. Walau bagaimanapun, di dalam Rancangan Malaysia Keenam, hanya 3 buah pusat latihan baru akan dibina iaitu di Selangor, Perak dan Terengganu. Bagi Negeri Sabah, ianya akan ditentukan kemudian.

PENERBANGAN TERUS KUANTAN-SABAH

27. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerianya bercadang untuk mengadakan penerbangan terus (direct flight) dari Kuantan ke Sabah untuk menggalakkan industri pelancongan serta interaksi di antara penduduk-penduduk. Pantai Timur Semenanjung dengan Sabah.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Padoka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) buat masa ini tidak bercadang untuk mengadakan penerbangan terus, direct flights, dengan izin, dari Kuantan ke Sabah. Ini memandangkan jumlah trafik di antara kedua destinasi tersebut tidak menggalakkan dan jaga tersedia ada penerbangan-penerbangan sambungan, connecting Flights, melalui Kuala Lumpur.

Asasnya ialah jumlah trafik di antara kedua—dua destinasi Kuantan dan Kota Kinabalu tidak menggalakkan, tidak memadai, dari segi perkhidmatan udara. Sebagai contohnya, dari bulan April 1990 hingga Mac 1991, jomlah penumpang dari Kuantan ke Kota Kinabalu melalui Kuala Lumpur ialah 1,249 orang dan dari Kota Kinabalu pula sebanyak 1,213 orang. Kalau pukulrata, penumpang sehari dari Kuantan ialah seramai 7 orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Kita teraskan dengan urusan yang lain.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 28 hingga 46 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak].

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM 1991 - 1995

3.33 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya berdiri di Dewan ini untuk mencadangkan satu usul seperti berikut:

Bahawa Dewan ini

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosioekonomi dalam tempoh pelaksanaan. Rancangan Malaysia Kelima;

merestui usaha-usaha Kerajaan terlaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan memenuhi tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman selaras dengan hasrat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan rancangan pembangunan lima tahun di Parlimen merupakan kemuncak kepada proses penyediaan rancangan pembangunan ekonomi negara bagi jangka sederhana. Rancangan lima tahun kali ini adalah lebih penting kerana ianya akan dilaksanakan bagi mencapai objektif Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Nasional yang menggantikan Dasar Ekonomi Baru.

Dalam dua dekad yang lalu, kita telah melaksanakan empat rancangan lima tahun bersama Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai matlamat pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Kini negara memasuki dekad baru yang lebih mencabar Pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang: Kedua merupakan langkah pertama dan, persiapkan kita untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia, sebuah negara maju.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995 telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 10hb Julai, 1991 dan telah diluluskan. Pada hari ini, izinkan pula saya membentangkan di Dewan ini Rancangan Malaysia Keenam yang merupakan fasa pertama kepada pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam telah digubal dalam suasana ekonomi negara yang amat memberangsangkan, walaupun pada ketika di mana banyak negara-negara lain di dunia mengalami kemelesetan ekonomi dan pergolakan politik. Ini ternyata apabila di beberapa tahun kebelakangan ini negara telah dapat mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Justeru itu, matlamat utama kita adalah untuk mengekalkan pertumbuhan pesat ekonomi negara dan menguruskan kejayaan ini supaya matlamat yang disarankan di dalam Dasar Pembangunan Nasional dapat dicapai. Dengan sokongan dari

Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat semua, saya pasti kita akan dapat terus mengulangi pencapaian yang cemerlang ini.

Namun demikian, kemungkinan ekonomi Malaysia terjejas oleh ketidakstabilan suasana ekonomi dan politik antarabangsa tidak boleh diketepikan. Malaysia perlu meningkatkan lagi usaha untuk menjadikan ekonominya mempunyai daya tahan bagi menghadapi cabaran dan ketidaktentuan yang berpunca dari luar negeri. Oleh yang demikian, strategi pembangunan masa hadapan perlu mengambilkira persekitaran antarabangsa dan mengadakan langkah—langkah yang sesuai bagi mengatasi ketidaktentuan sekiranya berlaku. Tidak kurang pentingnya ialah untuk mewujudkan persekitaran dalam negeri yang menggalakkan bagi kemajuan dan pembangunan yang berterusan

Sesungguhnya, strategi dan program yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Keenam ini dirangka setelah mengambilkira dan menganalisis halangan dan masalah yang dihadapi oleh negara dan prospek pertumbuhan ekonomi luar negeri. Rancangan Malaysia Keenam yang menyediakan program dan projek pembangunan untuk tempoh lima tahun akan datang telah dirumus dengan teliti sehingga ramai yang mengakui bahawa ianya merupakan satu rancangan pembangunan yang lebih baik dari rancangan-rancangan yang lalu dengan, mengemukakan langkah—langkah yang berani.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kelima

Tuan Yang di-Pertua, tempoh 1986-1990 merupakan tahun-tahun yang penuh cabaran bagi negara kita. Pada masa Rancangan Malaysia Kelima dilancarkan, negara sedang mengalami kemelesetan yang teruk dengan prospek ekonomi yang tidak menentu. Pada masa yang sama, kedudukan kewangan sektor awam telah terjejas dengan jumlah hutang yang tinggi dan kedudukan imbalan pembayaran yang lemah.

Sebenarnya sejak tahun 1983 lagi Kerajaan telah melaksanakan langkah berhati-hati di dalam pengurusan ekonomi negara dan pengawalan perbelanjaan Kerajaan.

Keluaran Dalam Negeri Kasar, atau KDNK, mengikut nilai sebenar, mencatatkan pertumbuhan negatif 1.1% dalam tahun 1985 dan hanya meningkat ke paras 12% dalam tahun 1986. Walau bagaimanapun, untuk tiga tahun terakhir Rancangan Malaysia Kelima, pertumbuhan ekonomi negara meningkat ke paras purata 9.1%, iaitu kadar yang paling tinggi pernah dicapai sejak Merdeka. Dengan pertumbuhan yang pesat ini, ekonomi telah mencatatkan pertumbuhan keseluruhan di paras 6.7% yang melangkaui matlamat asal sebanyak 5.0%. Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan.

Di antara langkah-langkah yang diambil untuk memulih ekonomi negara ialah melalui pengubahsuaian dasar fiskal dan kewangan meminda garis panduan dan syarat-syarat pelaburan terutama bagi pelabur asing dan usaha ke arah mengurangkan kerenah-kerenah birokrasi. Dengan dibantu oleh suasana di luar negeri yang memberangsangkan dengan kenaikan paras harga beberapa komoditi utama dalam tahun 1987, ekonomi negara telah dapat dipulihkan lebih cepat dari yang dijangkakan. Langkah-langkah pengubahsuaian yang diambil, di samping kejayaan membendung inflasi, telah menghasilkan persekitaran yang menggalakkan untuk pertumbuhan ekonomi.

Kejayaan mewujudkan suasana ekonomi makro yang menggalakkan dan keadaan politik yang stabil juga telah dapat menghasilkan iklim pelaburan yang baik terutama bagi pelabur luar negeri.

Pertumbuhan eksport yang pesat terutama dalam tahun-tahun terakhir Rancangan Malaysia Kelima telah dapat membantu membiayai peningkatan perbelanjaan negara dan keperluan pertukaran asing. Dalam pada itu, kedudukan tabungan negara yang mantap dan pendapatan eksport yang tinggi serta kemasukan modal asing yang menggalakkan membolehkan paras pelaburan dikekalkan pada kadar yang tinggi. Kadar tabungan negara yang tinggi dan keupayaan menyalur sumber ini kepada aktiviti-aktiviti yang produktif telah dapat meringankan masalah sumber dan mengurangkan keperluan pinjaman dari luar negeri.

Sesungguhnya, kekuatan ekonomi negara adalah tertakluk kepada

kejayaan kita mengekalkan kadar pelaburan yang tinggi dan dari sumber-sumber yang dibiayai dari dalam negeri. Jomlah pelaburan sebagai nisbah kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) telah meningkat dengan pesat dari 29.72 dalam tahun 1985 kepada 35% dalam tahun 1990.

Bagi tempoh 1986—1990, Kerajaan telah meluluskan pelaburan swasta dalam sektor pembuatan bernilai \$58 ribu juta. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$28 ribu juta telah diluluskan dalam tahun 1990 sahaja. Ini merupakan jumlah yang paling tinggi pernah dicapai dalam mana-mana tahun. Dalam tempoh yang sama, pelaburan asing secara langsung dalam projek yang diluluskan berjumlah \$35 ribu juta dan ini mengatasi pelaburan dari pelabur tempatan.

Pelaburan swasta bagi tempoh tiga tahun akhir Rancangan Malaysia Kelima telah berkembang pada kadar 27.5% setahun mengikut nilai sebenar. Dasar-dasar pelaburan dan perdagangan yang liberal, di samping dasar penswastaan, telah meningkatkan lagi keyakinan para pelabur dan menggalakkan perbelanjaan swasta.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat ini dan penggunaan kapasiti yang tinggi telah menyebabkan tekanan harga di akhir tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Namun demikian, kadar inflasi berdasarkan indeks harga pengguna secara keseluruhan hanya meningkat pada kadar purata 2% setahun ini membuktikan keupayaan Kerajaan dalam usaha membendung inflasi melalui dasar-dasar fiskal, kewangan dan pentadbiran.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat juga telah dapat mengurangkan kadar pengangguran yang meningkat di paras tertinggi 8.3% dalam

tahun 1986 kepada 6% dalam tahun 1990. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, hampir satu juta pekerjaan telah diwujudkan. Perkembangan ini telah membolehkan pendapatan golongan miskin, terutama di kalangan isirumah luar bandar meningkat, dan seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan,

Pelaksanaan dasar dan strategi untuk mencapai matlamat pengagihan pendapatan yang lebih saksama telah menghasilkan kemajuan yang ketara. Kejayaan mengekalkan kestabilan dalam negeri dan-usaha-usaha Kerajaan mengadakan program untuk membasmi kemiskinan telah juga berjaya merapatkan jurang pendapatan antara kaum, antara wilayah dan antara golongan kaya dan miskin. Di samping itu, program-program penyusunan semula masyarakat telah dapat mengubah corak pekerjaan dan hakmilik modal.

RANGKADASARPEMBANGUNANRM6

Tuan Yang di-Pertua, tema utama Rancangan Malaysia. Keenam adalah untuk mengekalkan pertumbuhan yang tinggi bagi mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang. Prospek pembangunan dijangka terus menggalakkan berasaskan, kepada kekukuhan asas-asas ekonomi dan daya tahan dalam negeri seperti yang ditunjukkan oleh kadar tabungan yang tinggi serta produktiviti faktor dan daya saingan yang, meningkat.

Di peringkat antarabangsa prospek pertumbuhan ekonomi dunia dalam jangka pertengahan akan dipengaruhi oleh usaha-usaha semasa masyarakat antarabangsa untuk membendung arah aliran yang negatif dalam bidang fiskal, kewangan dan perdagangan. Perkembangan dalam perdagangan antarabangsa merupakan punca kebimbangan yang utama.

Kemungkinan meningkatnya dasar perlindungan perdagangan dan perdagangan dua hala akan memberi kesan negatif kepada prospek pertumbuhan negara maju dan lebih-lebih lagi negara sedang membangun.

Namun demikian, kebanyakan negara telah melaksanakan dasar pembaharuan untuk, menstabilkan dan menyusun semula ekonomi mereka dengan lebih bergantung kepada kuasa pasaran dan inisiatif sektor swasta terutama dalam menentukan pengagihan sumber-sumber. Di samping itu, pengurusan ekonomi dengan cara yang lebih fleksibel yang diamalkan oleh kebanyakan negara dijangka dapat membantu mengurangkan arah aliran yang tidak stabil.

Berasaskan kepada andaian-andaian ini, ekonomi dunia bagi jangka pertengahan akan berkembang pada kadar 3.3% setahun. Pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian pula dijangka teras teguh di paras 3%, manakala negara-negara industri baru di Asia akan berkembang di paras yang lebih tinggi.

Bagi Malaysia pula Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi keseluruhan tempoh Rancangan Malaysia Keenam dijangka akan berkembang pada kadar 7.5% setahun mengikut nilai sebenar, berbanding dengan 6.7% yang dicapai dalam Rancangan Malaysia Kelima. Keluaran Negara Kasar (KNK) mengikut nilai semasa, pula dijangka berjumlah \$205,000 juta menjelang tahun 1995 iaitu hampir dua kali ganda dari paras yang ada sekarang. Pendapatan per kapita akan mencapai paras \$10,200 berbanding dengan \$6,180 pada tahun 1990.

Sektor swasta akan terus digalakkan untuk memainkan peranan yang lebih aktif melalui penyediaan dasar dan program yang boleh

membantu mereka secara lebih berkesan. Sebahagian besar sumbangan pertumbuhan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam dijangka berpunca dari sektor dalam negeri iaitu dari perbelanjaan pelaburan dan penggunaan.

Sebanyak \$810 ribu juta akan dibelanjakan untuk penggunaan dan pelaburan, di mana kira-kira 77% darinya dijangka, berpunca dari sektor swasta. Perbelanjaan penggunaan dari sektor swasta yang dijangka berkembang pada kadar purata 7% setahun mengikut nilai sebenar akan menjadi teras utama kepada perkembangan ekonomi dalam negeri. Ini adalah selaras dengan dasar kita supaya sektor swasta menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi negara

Memandangkan paras pelaburan yang tinggi adalah penting, bagi memastikan penambahan kapasiti baru dan pertumbuhan ekonomi yang pesat, perhatian yang lebih akan diberi kepada, usaha untuk menarik pelaburan sektor swasta. Walau bagaimanapun, pelaburan awam akan juga diteruskan terutama bagi program infrastruktur fizikal dan sosial.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam sejumlah \$280 riba juta. dijangka dibelanjakan oleh kedua-dua sektor tersebut bagi tujuan pelaburan. Sektor swasta dijangka melabur kira-kira 70% daripada keseluruhan jumlah pelaburan tersebut. Sektor ini juga akan menjadi punca utama bagi pertambahan peluang pekerjaan dan pendapatan dalam negeri. Berdasarkan kepada matlamat pertumbuhan dan keupayaan sektor swasta dan dasar Kerajaan mengenai peranannya dalam ekonomi, pelaburan sektor swasta dijangka meningkat pada kadar 8.6% setahun berbanding dengan kira-kira 3% bagi sektor awam.

Walaupun teras utama pelaburan berpunca dari sektor swasta, peranan pelaburan awam dalam pembangunan negara masih lagi penting terutamanya bagi menyediakan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Sektor awam akan mendapat peruntukan pembangunan sebanyak \$104 ribu juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam iaitu kira-kira 60% lebih tinggi daripada Rancangan Malaysia Kelima. Walaupun ini menunjukkan pertambahan yang besar dari segi jumlah, dari segi nisbah pelaburan awam kepada KNK ianya akan berkurangan daripada 11% pada tahun 1990 kepada 9% menjelang tahun 1995, selaras dengan strategi untuk mengecilkan saiz sektor awam dan menghadkannya mengikut keupayaan kewangan Kerajaan.

Kedudukan kewangan Kerajaan pada keseluruhannya dijangka terus kukuh. Namun sektor awam perlu terus berhati-hati bagi memastikan defisit belanjawan tidak melebihi tahap yang ditetapkan bagi Rancangan Malaysia Keenam. Defisit belanjawan sektor awam dijangka berada di paras yang rendah iaitu 4% daripada KNK. Paras ini adalah lebih baik berbanding dengan kedudukan dalam tahun-tahun lapan puluhan. Usaha-usaha akan teras dibuat untuk mengawal defisit supaya berada di paras yang rendah dan akan dilaksanakan melalui perancangan perbelanjaan awam yang cermat serta melaksanakan langkah-langkah baru untuk menambah hasil Kerajaan Persekutuan. Di samping langkah berhati-hati dalam perbelanjaan Kerajaan, usaha untuk mengurangkan beban perbelanjaan Kerajaan juga akan diteruskan melalui program penswastaan terutama bagi projek yang telah dikenalpasti di dalam Pelan Induk Penswastaan.

Kerajaan akan memastikan bahawa perkembangan pelaburan dan penggunaan yang pesat dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam tidak akan menyebabkan tekanan kepada paras harga. Sehubungan dengan ini, langkah-langkah akan terus diambil untuk mengekalkan kestabilan harga, termasuk memperbanyakkan kemudahan infrastruktur, meningkatkan pengeluaran dalam negeri dan melonggarkan syarat-syarat import supaya dapat melegakan kekurangan bekalan dan mengelakkan meningkatnya tekanan ke atas harga.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, tenaga buruh dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 2.9% berbanding dengan 3.1% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Gunatenaga pula, dijangka berkembang pada kadar 3.2% setahun atau pertambahan sebanyak 1.13 juta pekerjaan. Oleh yang demikian, kadar penganggiran dijangka akan berkurangan kepada 4.5% pada tahun 1995. Ini adalah pada paras yang boleh dikatakan sebagai gunatenaga penuh atau, dengan izin, **full** employment.

Pengagihan Melalui Pertumbuhan

Rancangan Malaysia Keenam akan terus mengamalkan falsafah pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan yang saksama. Mamat dan strategi Dasar Pembangunan Nasional telahpun dihuraikan semasa pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan di sini bahawa pencapaian matlamat

agihan adalah bergantung kepada kemampuan negara mengekalkan pertumbuhan di paras yang tinggi.

Saya tidak bercadang, untuk menghuraikannya kerana aspek ini telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 24hb Julai yang lalu iaitu semasa pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua. Memadailah jika saya katakan bahawa pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keenam, kadar kemiskinan isirumah secara keseluruhan dijangka akan dapat dikurangkan kepada kira-kira 11% dari 17.1% pada masa ini, manakala golongan termiskin atau, dengan izin, 'hard-core poor' akan berkurangan ke paras 2.0% dari jumlah isirumah berbanding dengan 4.0% sekarang.

Berhubung, dengan strategi, penyusunan semula masyarakat, kita tidak lagi menetapkan matlamat pemilikan yang patut dicapai pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, segala usaha adalah ke arah pencapaian sekurang-kurangnya 30% hakmilik saham syarikat untuk bumiputera. Di samping itu, strategi baru akan menekankan soal kualiti penyertaan bumiputera dan, keupayaan menambah harta oleh mereka dan mengekalkannya.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, usaha-usaha yang lebih gigih akan dilaksanakan supaya dapat diwujudkan satu masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang lebih berdaya maju. Dalam hubungan ini, agensi-agensi amanah akan digalakkan untuk melatih usahawan bumiputera yang berpotensi untuk maju.

Usaha meningkatkan Produktiviti

Rancangan Malaysia Keenam menekankan kepada usaha meningkatkan produktiviti faktor. Penilaian yang lepas menunjukkan bahawa sumbangan produktiviti di dalam peningkatan keluaran negara adalah kurang ketara. Oleh itu, usaha-usaha untuk meningkatkan produktiviti perlu dilaksanakan melalui peningkatan teknologi, kemahiran keusahawanan dan kualiti pekerja dan pengurusan.

Dalam hubungan ini, penekanan yang lebih akan diberi ke arah meningkatkan penggunaan sains dan teknologi dan meluaskan lagi kegiatan-kegiatan penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan tenaga manusia. Kecekapan penggunaan sumber akan terus ditingkatkan melalui program-program yang dirangka untuk memperbaiki rangkaian infrastruktur dan institusi dan melalui dasar-dasar yang dapat mewujudkan suasana persaingan.

Program latihan secara formal dan tidak formal akan ditingkatkan untuk menjadikan rakyat Malaysia lebih produktif dan boleh menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan pesat yang sedang berlaku di sekeliling mereka. Usaha-usaha akan terus dipergiatkan untuk meningkatkan kemahiran dan daya inovasi serta berkeupayaan menyerap dan menyesuaikan teknologi.

Meningkatkan Pertumbuhan Sektor

Tuan Yang di-Pertua, strategi sektor akan ditumpukan kepada usaha mempelbagaikan lagi asas ekonomi, menggalakkan kegiatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi di samping memperkenalkan aktiviti-aktiviti yang boleh menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi. Strategi ini akan dapat membawa kepada perubahan struktur

pengeluaran yang lebih kukuh dan mewujudkan daya tahan serta meningkatkan daya saingan ekonomi negara.

Terang sektor pertanian dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam adalah pembangunan **insitu** dan tidak lagi kepada pembukaan tanah-tanah baru memandangkan kos untuk memajukan tanah baru semakin tinggi di samping masalah untuk mendapatkan tenaga buruh. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembukaan tanah-tanah baru dan diuruskan secara perladangan. Di samping menyediakan khidmat sokongan, Kerajaan juga akan menyediakan kemudahan infrastruktur bagi memudahkan pembangunannya.

Untuk tempoh Rancangan Malaysia keenam sektor pertanian dijangka berkembang pada paras 3.5%. setahun iaitu lebih rendah dari pencapaian sebanyak 4.6% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Sektor pertanian dijangka mengalami penurunan relatif berbanding dengan sektor-sektor lain disebabkan sektor komoditi utamanya seperti getah dan hasil hutan akan mengalami pertumbuhan yang lebih kecil atau pertumbuhan negatif. Masalah permintaan serta batasan dari segi persaingan dengan sektor-sektor lain yang lebih berdaya maju untuk mendapatkan sumber-sumber tanah dan buruh yang ada adalah di antara faktor—faktor yang akan menjejaskan prestasi aktiviti tersebut.

Usaha-usaha meningkatkan produktiviti sektor pertanian yang sedia ada melalui penyatuan tanah dan pengelolaan kebun-kebun kecil berasaskan perladangan, penyelidikan dan pembangunan dan penggunaan alat-alat yang boleh menjimatkan tenaga buruh secara meluas akan

diteruskan. Di samping itu, perkhidmatan pengembangan akan ditingkatkan, rangkaian pembahagian dan pemasaran akan diperbaiki serta terus dimajukan. Sektor pertanian akan dimodenkan dengan aktiviti-aktiviti komersial yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi seperti bunga-bunga, akuakultur, perikanan laut-dalam dan ternakan.

Infrastruktur di luar bandar juga akan diperbaiki supaya lebih banyak sumber—sumber di kawasan tersebut dapat digembeling, terutama untuk meningkatkan perindustrian luar bandar yang berasaskan sumber. Selain daripada itu, program pembangunan infrastruktur akan dapat membantu meningkatkan mobiliti masyarakat luar bandar ke dalam aktiviti moden bukan pertanian di dalam sektor pertanian sendiri-

Bagi sektor pembuatan pula, walaupun menyumbang 26.6% kepada KDNK dan 58.6% kepada eksport, ianya masih lagi mempunyai asas yang kecil dan tidak mendalam. Umpamanya, 302 daripada keluaran sektor pembuatan merupakan sumbangan dari sektor kecil elektronik dan perkakasan elektrik. Sektor kecil yang kedua terbesar ialah tekstil—yang menyumbang cuma 6.0% daripada keluaran sektor pembuatan.

Teras utama Rancangan Malaysia Keenam adalah ke arah menggalakkan pertumbuhan sumber baru bagi mengakuh dan mempelbagaikan asas industri. Sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar 11.5% setahun dan akan menyumbang sebanyak 32.4% kepada KNK menjelang tahun 1995, mengekalkan kedudukannya sebagai sektor yang terbesar. Oleh kerana terdapat kekurangan tenaga pekerja, Kerajaan akan memberi galakan kepada industri yang berintensif modal dan menggunakan teknologi yang canggih di samping mengekalkan kepentingan industri tradisional seperti elektronik, tekstil dan pakaian.

Kerajaan akan terus menitikberatkan kepada industri yang berorientasikan eksport, di samping memajukan industri barangan perantara dan modal bagi mengurangkan import barangan tersebut. Pembangunan industri kecil dan sederhana akan dikukuhkan supaya industri tersebut dapat memainkan peranan yang penting dalam ekonomi. Kemampuan industri kecil dan sederhana akan ditingkatkan supaya mereka dapat membekalkan keperluan input kepada syarikat-syarikat yang lebih besar serta dapat menembusi pasaran eksport. Pada masa ini satu kajian sedang dibuat dengan tujuan untuk mengubal satu program yang komprehensif untuk pembangunan industri kecil dan sederhana dan mempertingkatkan lagi pelaksanaan konsep payung.

Sektor perkhidmatan yang memainkan peranan penting sebagai penyokong kepada sektor-sektor lain akan dipermodenkan lagi. Pada masa yang sama, usaha-usaha yang lebih giat akan dilaksanakan untuk menjadikan sektor perkhidmatan sebuah industri eksport dan tidak terlalu, bergantung kepada import untuk perkhidmatan seperti pengangkutan, penerbangan, insuran, pelancongan, pendidikan dan sebagainya. Ini akan membantu mengurangkan defisit yang besar dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran. Sektor-sektor kecil perkhidmatan yang boleh wujud sendiri tanpa perlu bergantung kepada sektor utama, umpamanya perkhidmatan jururunding profesional, kemudahan riadah dan rekreasi serta perkhidmatan komputer, akan digalakkan.

Perkhidmatan yang boleh diniagakan juga perlu dibangunkan untuk membantu mengurangkan defisit dalam akaun imbalan pembayaran. Sektor perkhidmatan moden yang boleh menyokong sektor pembuatan dan sektor-sektor moden yang lain yang sedang berkembang pesat di dalam ekonomi akan dipertingkatkan. Kemudahan infrastruktur kewangan dan pasaran, modal akan diperkukuhkan supaya dapat membantu perkembangan yang pesat dalam sektor ini.

Program Sektor Awam Untuk RM6

Tuan Yang di-Pertua, program sektor awam akan ditumpukan kepada usaha-usaha membantu mempertingkatkan perkembangan ekonomi serta mencapai matlamat pembahagian dalam Dasar Pembangunan Nasional. Program-program untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan diteruskan. Memandangkan sebahagian besar daripada keperluan asas telah dapat dipenuhi melalui program-program yang telah dilaksanakan sebelum ini, program sektor awam untuk tempoh

Rancangan Malaysia Keenam akan ditumpukan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti kemudahan awam di kawasan bandar dan luar bandar dan di negeri-negeri yang kurang maju.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak \$104 ribu juta telah disediakan bagi perbelanjaan pembangunan sektor awam. Dari jumlah tersebut, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak \$55 ribu juta di mana kira-kira \$19 ribu juta adalah diperlukan bagi membiayai projek-projek sambungan. Kerajaan Negeri dijangka berbelanja sebanyak \$12 ribu juta dan Kerajaan Tempatan sebanyak \$2 ribu juta iaitu dari punca sendiri. Manakala Perusahaan Awam. Bukan Kewangan dijangka berbelanja sebanyak \$35 ribu juta, iaitu jumlah berasaskan ekuiti Kerajaan dalam PABK berkenaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam peruntukan yang lebih besar telah diagihkan kepada negeri untuk membantu mengurangkan perbezaan dalam pembangunan sosial dan ekonomi di antara negeri-negeri. Negeri-negeri yang kurang maju akan diberi peruntukan yang lebih besar untuk pembangunan infrastruktur sosial dan fizikal supaya dapat mempercepatkan pembangunan di negeri-negeri tersebut dan menjadikannya lebih menarik untuk pelaburan sektor swasta.

Kerajaan jaga telah menyediakan peruntukan yang lebih besar untuk sektor pengangkutan, perhubungan, tenaga, pendidikan dan kesihatan, memandangkan sektor-sektor ini akan mengukuhkan lagi keupayaan ekonomi negara untuk berkembang di samping menyediakan perkhidmatan yang lebih baik untuk dinikmati oleh rakyat semua.

Dari jumlah \$55 ribu juta bagi Kerajaan Persekutuan, sebanyak \$31.2 ribu juta atau 56.8 peratus adalah bagi sektor ekonomi. Dari segi peratusan kepada keseluruhan peruntukan ianya adalah lebih rendah dari 65.2 peratus yang dibelanjakan bagi sektor ekonomi dalam

tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Ini membuktikan usaha Kerajaan untuk mengurangkan peranannya dalam aktiviti-aktiviti ekonomi terutama di mana sektor swasta boleh memainkan peranan yang lebih besar.

Di bawah sektor ekonomi, sektor pertanian dan pembangunan luar bandar akan diperuntukkan sebanyak kira-kira \$9 ribu juta atau 16.4 peratus daripada jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan. Memandangkan teras pembangunan sektor pertanian pada masa hadapan adalah pembangunan **in situ**, maka peruntukan yang lebih besar disediakan bagi program tersebut iaitu sebanyak \$4.1 ribu juta. Peruntukan bagi pembangunan tanah-tanah baru tidak lagi disediakan.

Sektor perdagangan dan perindustrian, akan diperuntukkan sebanyak \$5.7 ribu juta atau 10.5 peratus iaitu bagi menyediakan kemudahan infrastruktur sokongan bagi memperbesar dan memperkukuhkan asas perindustrian dan perdagangan dalam ekonomi. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$3.2 ribu juta akan diperuntukkan bagi pembangunan perindustrian, \$560 juta bagi infrastruktur sains dan teknologi, \$538 juta bagi pelancongan, \$658 juta bagi promosi eksport dan bakinya untuk program-program lain yang boleh membantu pertumbuhan sektor perindustrian.

Sektor pengangkutan dan perhubungan pula diperuntukkan sejumlah \$10.8 ribu juta atau 19.7 peratus dari jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan, selaras dengan objektif menyediakan rangkaian infrastruktur yang baik bagi memenuhi permintaan yang bertambah dan bagi mengatasi masalah kesesakan yang boleh menjadi penghalang kepada pertumbuhan ekonomi. Dari jumlah yang diperuntukkan kepada sektor pengangkutan dan perhubungan sebanyak \$7.6 ribu juta akan diuntukkan bagi memperbesar dan menaikkan taraf jalan-jalan raya.

Sebanvak \$1.4 ribu juta pula diuntukkan kepada Keretapi Tanah Melayu, manakala hampir \$1 ribu juta bagi membangun dan memperbaiki lapangan terbang termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Antara masalah utama dalam bidang pengangkutan pada masa ini ialah kesesakan lalulintas di Lembah Kelang, terutamanya di Kuala Lumpur dan di bandar—bandar lain. Kerajaan sedang mengkaji berbagai jenis perkhidmatan pengangkutan transit awam yang baru dengan hasrat untuk melaksanakan sistem seumpama itu di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya. Pembinaan landasan berkembar keretapi dari Seremban ke Rawang dan dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang akan mengurangkan separuh dari masa perjalanan, di samping mengadakan kaedah pengangkutan alternatif untuk mereka yang tinggal di Lembah Kelang serta mengurangkan kesesakan. Peningkatan taraf pengangkutan bandar akan dapat membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk menikmati perkhidmatan pengangkutan yang lebih baik dengan bayaran yang rendah dan masa perjalanan yang pendek.

Selain dari peruntukan Kerajaan Persekutuan, Perbadanan Awam Bukan Kewangan atau PABK akan terlibat dalam aktiviti perhubungan dan pengangkutan juga merancang berbelanja sebanyak \$14.4 ribu juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam iaitu dari sumber kewangan sendiri. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$2.8 ribu juta dirancang dibelanjakan oleh Lembaga-lembaga Pelabuhan dan Perkapalan, \$3.9 ribu juta oleh Penerbangan Awam dan \$5.4 ribu juta oleh Telekom Malaysia Berhad.

Bagi sektor tenaga, sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan PETRONAS dan pihak berkuasa elektrik akan dibiayai dari sumber dalaman mereka. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan sejumlah hampir \$1 ribu juta bagi sektor ini dan dari jumlah tersebut sebanyak \$765 juta adalah dikhaskan untuk bekalan elektrik luar bandar. Pada, penghujung tempoh Rancangan Malaysia Keenam program elektrik luar bandar akan meliputi 100 peratus kawasan di Semenanjung Malaysia; 73 peratus di Sabah dan 77 peratus di Sarawak PETRONAS akan membelanjakan kira-kira \$10.8 ribu juta untuk projek-projek dalam sektor petroleum dan gas, manakala Tenaga Nasional pula akan membelanjakan kira-kira \$11 ribu juta untuk penjanaan kuasa rangkaian penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik.

Satu program bagi mengendalikan sumber air dengan lebih baik akan dilancarkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam dengan penyediaan peruntukan sebanyak \$3.7 ribu juta. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$2.6 ribu juta bagi pembangunan bekalan air, manakala bakinya bagi pembangunan pembentungan dan perparitan. Pelaksanaan program-program berkenaan akan memastikan sumber-sumber air yang sedia ada dan yang berpotensi akan dibangunkan dengan lebih berkesan bagi memenuhi keperluan rumah, tangga dan perindustrian, di samping meningkatkan mutu.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$13.5 ribu juta atau hampir seperempat dari keseluruhan peruntukan telah diperuntukkan kepada sektor sosial, terutama bagi pembangunan program pendidikan dan kesihatan. Peruntukan yang disediakan bagi program pendidikan dan latihan berjumlah \$8.5 ribu juta iaitu tambahan kira-kira 50 peratus-daripada peruntukan yang disediakan bagi rancangan yang lalu. Sebahagian besar dari peruntukan ini adalah bagi pembangunan pendidikan di peringkat universiti, politeknik dan institusi-institusi latihan vokasional yang bertujuan untuk menambah bekalan tenaga manusia yang terlatih dan berkualiti terutama dalam bidang profesional dan teknikal.

Peruntukan bagi kesihatan pula berjumlah \$2.25 ribu juta, iaitu pertambahan sebanyak 140 peratus dari perbelanjaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan ini adalah bagi pembinaan 12 buah hospital baru, penyediaan kemudahan ujian dan makmal yang lebih baik serta keperluan latihan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan.

Peruntukan sebanyak \$254 juta telah disediakan untuk membolehkan pihak berkuasa tempatan menyediakan kemudahan yang lebih baik di bandar-bandar dan bandaraya. Kualiti perkhidmatan di bandar akan dipertingkatkan untuk mengambilkira proses pemandaran yang pusat yang kini membebankan lagi keupayaan pihak berkuasa **tempatan** terutama bagi menyediakan kemudahan sanitasi, perparitan dan lain-lain kemudahan di bandar.

Kerajaan juga tidak lupa kepada golongan miskin yang berpendapatan rendah. Di bawah usaha pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, peruntukan khas sebanyak \$600 juta akan disediakan bagi program tertentu khusus untuk golongan **termiskin**. Bagi program penyusunan semula masyarakat, sebanyak \$600 juta telah disediakan di bawah program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, bagi menyediakan kemudahan dan infrastruktur untuk memajukan aktiviti perdagangan dan perniagaan mereka.

Selain daripada peruntukan pembangunan di atas, peruntukan sebanyak \$8.4 ribu juta telah disediakan bagi sektor keselamatan. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$6 ribu juta adalah bagi Kementerian, Pertahanan, manakala \$2.1 ribu juta bagi Polis Diraja Malaysia. Peruntukan sebanyak \$871 juta bagi Kementerian Pertahanan dan \$615 juta bagi Polis Diraja Malaysia telah dikhaskan bagi projek perumahan anggota-anggota tentera dan polis untuk mengatasi masalah perumahan yang wujud sekarang.

Perbelanjaan pembangunan sektor awam telah dirancang dengan **teliti** setelah mengambilkira keperluan sosio-ekonomi dan sumber-sumber segera. Semua rakyat Malaysia akan dapat menikmati faedah dari perlaksanaan program-program dan projek-projek tersebut,

manakala pertumbuhan sektor swasta akan terus dibantu dengan bertambahnya peruntukan bagi pembangunan infrastruktur fizikal dan pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, ingin saya menegaskan bahawa Rancangan Malaysia Keenam telah dirancang atas keyakinan bahawa Malaysia akan berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan mampu mengulangi kembali kecemerlangan yang telah dicapai sebelum ini. Dasar dan strategi serta program yang diatur dalam Rancangan Malaysia Keenam seterusnya akan menyediakan asas yang kukuh bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Dengan program dan projek yang disusun di bawah Rancangan Malaysia Keenam hasil dari penilaian yang rapi mengenai keperluan untuk memperkukuhkan daya ketahanan negara dalam suasana ekonomi yang semakin mencabar, insya-Allah, kita akan dapat mengendali dan mengatasi masalah yang timbul demi mencapai matlamat yang telah kita tetapkan. Usaha yang gigih disertai dengan ketekunan, kecekalan dan kesabaran untuk menerokai bidang-bidang baru terutamanya oleh pihak swasta akan membawa kita ke tahap pembangunan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lun]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong, usul ini.

Tuan Yang di-Pertua Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Usul Rancangan Malaysia Keenam atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk di bahas.

Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

4.16 ptg.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang menyokong usul Rancangan Malaysia Keenam (RME) yang dikemukakan sebentar tadi oleh

Yang Berhormat Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan. di atas segala daya usaha yang diambil dalam Rancangan Malaysia Kelima dahulu dalam membawa negara keluar dari cengkaman kemelesetan ekonomi yang berakhir pada tahun 1987. Selepas itu Kerajaan dapat pula menggalakkan, pertumbuhan sebanyak 6.7% setahun lebih dari 5% yang dimatlamatkan. Syabas!

Untuk mencapai Wawasan 2020 sepertimana yang telah dibentangkan dahulu, kita perlu mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk mencapainya. Dalam perkara ini saya yakin pelaburan terbesar perlu kita buat ialah dalam pembangunan tenaga manusia. Untuk membangunkan manusia ini, kita perlu memberi pelajaran kepada mereka? dari seawal-awal yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan di dalam Rancangan Malaysia Keenam (RME) itu, pada pertama kali peruntukan bagi pelajaran pra-sekolah diberi sebanyak \$140 juta untuk tempoh lima tahun akan datang. Jika dibahagi sama rata, ini bermakna hanya \$28 juta sahaja setahun. Saya berbangga dengan sikap Kerajaan yang sudah mula mengiktiraf betapa pentingnya pelajaran pra-sekolah. Ibarat mendirikan rumah, peringkat ini ialah peringkat pembinaan Lantai yang menjadi asas kepada pembinaan keseluruhan rumah itu.

Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, 43% dari jumlah pelajar datangnya dari sekolah-sekolah swasta. Kerajaan bertanggungjawab hanya di atas 77% dari Taman-taman Didikan Kanak-kanak (TADIK) ini. Ini bermakna penglibatan Kerajaan tidak sepenuhnya. Di dalam meletakkan batu asas pendidikan kepada anak-anak kita ini, mungkin ada eloknya jika semua TADIK di dalam negara ini dibiayai sama ada saporuh atau sepenuhnya oleh Kerajaan supaya pendidikan yang diberikan selari dan sehaluan dengan aspirasi Kerajaan untuk menjadi negara ini sebuah negara yang bersatu-padu.

Perkara yang penting di sini ialah Kerajaan dapat mengawal perjalanan TADIK-TADIK yang di bawah pengawasannya.

Berhubung, dengan sekolah—sekolah rendah, paras kedua di dalam usaha pendidikan kita kerajaan telah mengakui bahawa kelas-kelas di sekolah-sekolah rendah dihadkan jumlah muridnya kepada maksima 35 orang. Perkara ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya di kawasan-kawasan bandar. Kekurangan bilik darjah ketara sekali di kawasan bandar dengan adanya sessi petang di kebanyakan sekolah. Perkara kesesakan dalam bilik darjah ini perlu diatasi dengan segera oleh kerana sebuah bilik darjah yang sesak tidak begitu sesuai untuk kurikulum baru sekolah rendah yang sudah lama diperkenalkan itu.

Banyak wang telah dibelanjakan untuk maksud ini. Dan alangkah

ruginya jika sekiranya pelaburan yang begitu banyak tidak mendatangkan hasil yang baik dan memuaskan oleh kerana faktor-faktor lain yang tidak dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1988 satu ujian telah diperkenalkan di sekolah rendah iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Dan mengikut Laporan yang terkandung dalam RME, sebahagian besar dari murid-murid yang mengambil ujian ini mendapat keputusan yang menunjukkan mereka memerlukan pengajaran pemulihan di dalam beberapa matapelajaran terutama sekali bahasa Inggeris dan Matematik. Jika benar, ramai murid-murid yang memerlukan pengajaran pemulihan ini maka ini bermakna kelas-kelas pemulihan perlu diadakan dan guru-guru yang mahir di dalam pengajaran pemulihan dilatih.

Memandangkan betapa seriusnya perkara **ini**, mungkin ada perlunya bagi Kementerian Pendidikan mengadakan satu program khas bagi tujuan ini jika tidak murid-murid yang memerlukan pertolongan ini akan terus terkandas.

Saya berkata demikian oleh kerana di peringkat SRP untuk mendapat **sijil** penuh, kelulusan dalam matapelajaran Matematik adalah satu syarat yang diwajibkan. Jika sekiranya tidak ada satu program khas untuk pengajaran pemulihan ini maka semua yang dilakukan sebelum ini tidak memberi makna.

Tuan Yang di-Pertua, laporan RME itu juga ada menyatakan bahawa kita ada lebih kurang 60,000 penuntut/pelajar di seberang laut di dalam berbagai bidang di berbagai peringkat. 43,200 orang penuntut sedang mengikut pelajaran di peringkat **Universiti**. Dengan jumlah penuntut yang begitu besar, cubalah bayangkan jumlah wang yang mengalir keluar dari negara kita **ini**. Satu usaha yang bersungguh-sungguh perlu dijalankan untuk mengawal perkara ini dengan merancang perkembangan di **universiti-universiti** yang sedia ada di dalam negara kita ini dan membangunkan **universiti** baru untuk menampung lebih ramai lagi penuntut kita. Dalam jangka panjang saya fikir rancangan ini akan menguntungkan negara dengan melipatganda dan dapat menyelamatkan pertukaran wang, asing.

Saya amat tertarik dengan apa yang terkandung di dalam RME berhubung dengan latihan kemahiran. Di dalam ucapan saya, saya lafaz berkait dengan latihan kemahiran yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan. Saya ada menyatakan, saya hendak melihat rancangan yang dibuat dalam RME ini. Langkah-langkah yang akan diambil nampaknya boleh dibanggakan dengan pembinaan 8 buah lagi sekolah menengah vokasional dan pembesaran kepada 29 buah sekolah vokasional yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek penting mengenai pembangunan tenaga manusia ialah rancangan yang disediakan untuk belia kita yang sekarang ini berjumlah \$7.6 juta. Dan menjelang tahun 2000 jumlah ini dijangka meningkat kepada \$9.3 juta satu peningkatan yang besar. Saya perhatikan bahawa dalam RME itu tidak banyak pengkhususan dibuat mengenai rancangan-rancangan untuk mereka melainkan melatih mereka di pusat kemahiran seperti di Dusun Tua, Pertak, Skudai dan Kuala Terengganu dan penyertaan belia di dalam projek belianiaga dan belia peladang. Kesemua ini melibatkan lebih kurang 15,000 orang belia sahaja.

Jika kita pergi ke merata-rata kampung di seluruh negara, termasuk juga kampung-kampung yang pada masa dahulu dikenali sebagai Kampung Baru, jumlah belia yang tidak bersekolah dan berkeliaran di merata kampung begitu ramai. Ramai daripada mereka ini berpotensi untuk dilatih tetapi ramai daripada mereka tidak sedar tentang adanya peluang-peluang seperti ini. Tiada usaha selama ini dibuat oleh Kerajaan atau agen-agensya bagi menyebarkan matlamat kepada belia mengenai kemudahan ini disebabkan mungkin nanti ramai yang akan memohon untuk masuk ke pusat-pusat latihan yang sedia ada dan sudah tentu tempat tidak mencukupi.

Kedudukan pusat-pusat latihan ini sejak ditubuhkan sama ada jumlahnya atau jumlah pengambilan pelajarinya tidak banyak mengalami perubahan hingga ke hari ini walaupun industri pembuatan di negara ini pesat berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini supaya lebih banyak lagi Pusat-pusat Latihan Belia seperti ini dibina untuk menampung belia yang terkandas di peringkat SRP. Mereka ini boleh diberi latihan kemahiran asas untuk menyediakan mereka berniaga secara kecil-kecilan atau untuk mereka memasuki pasaran buruh. Sekiranya Kerajaan benar-benar hendak melatih belia kieu mengubah sikap dengan menanamkan sikap positif seperti berdisiplin, menepati waktu, tekun, rajin, hormat kepada orang tua serta bertanggungjawab melalui pusat-pusat latihan itu peluang ini hendaklah dibuka kepada semua belia tidak mengira keturunan, kulit atau agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih pula kepada sukan. Dasar Sukan Negara yang telah diperkenalkan pada tahun 1989

menyatakan tujuannya ialah untuk menyediakan garis panduan bagi memajukan sukan negara dengan menumpukan kepada program Sukan Prestasi Tinggi dan Sukan Untuk Semua. Yang hendak saya tekankan di sini ialah rangkaikata "Sukan Untuk Semua". Jika kita perhatikan pembangunan sukan di negara ini, tidak sepesat mana yang diharapkan. Cuba kita lihat di sekeliling kita, berapa banyakkah gelanggang badminton atau tenis, padang permainan atau gimnasium yang dibina.

Saya telah melawat Kelab Sukan di Bukit Kiara, di sana lokasinya baik dan kemudahan-kemudahan yang ada pun baik. Sekarang ini saya perhatikan telah banyak kelab golf didirikan untuk mereka yang, berkemampuan. Saya tidak menentang pembangunan seperti ini tetapi saya khuatir bahawa sukan ini akan menjadi satu komoditi yang dipeniagakan atau, dengan izin, commercialise. Perkara seperti ini perlu diberi pertimbangan yang mendalam oleh Kerajaan supaya apa sahaja jenis sukan yang ada dalam negara ini boleh disertai oleh semua lapisan rakyat. Perlu juga diperhatikan bahawa kemudahan-kemudahan sukan untuk mereka yang berada dan kurang berada adalah seimbang supaya Kerajaan jelas nampak berlaku adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbangga melihat peruntukan sebanyak \$20 juta diberikan untuk lima tahun akan datang berhubung dengan program-program dan projek-projek yang akan dilaksanakan oleh HAWA. Peratusan wanita yang terlibat dalam berbagai bidang pekerjaan melainkan bidang pentadbiran dan pengurusan adalah memuaskan dan saya amat yakin bahawa penyertaan mereka akan meningkat dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang perlu saya sebutkan

di sini iaitu berhubung dengan satu trend yang berlaku di negara-negara Barat sekarang ini. Ramai wanita profesional yang sudah berumahtangga berhenti kerja untuk menumpukan sepenuh masa menjaga anak dan suami. Dari banyak aspek fenomena ini mungkin satu perkara baik terutama sekali untuk anak-anak kecil yang memerlukan kasih sayang dan penjagaan rapi. Sekiranya trend ini merebak ke negara kita, maka peningkatan yang diharapkan tadi tidak akan menjadi kenyataan. Dari apa yang berlaku di negeri ini sekarang, trend ini sudah mula menjalar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berlaku ialah oleh kerana kesulitan untuk mendapatkan pembantu rumah yang taat dan boleh dipercayai. Masalah ini akan berlarutan dengan bertambahnya kilang—kilang, dan lain—lain peluang pekerjaan untuk kaum wanita. Saya ingin mencadangkan di sini Kerajaan berusaha bersungguh—sungguh untuk membantu kaum ibu seperti ini dengan menubuhkan Pusat Penjagaan Kanak-kanak di mana ibu—ibu boleh meninggalkan anak-anak mereka pada masa mereka berada di tempat kerja. Pada peringkat ini perlu kita ingat bahawa si isteri yang bekerja bukan untuk mendapat wang tambahan atau, dengan izin, pin money, tetapi sebenar-benarnya untuk menambah pendapatan keluarga itu sendiri untuk menyara hidup mereka bagi mendapatkan barang keperluan biasa dan bukan untuk kemewahan.

Kilang-kilang umpamanya boleh digalakkan menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak di dalam kawasan kilang-kilang itu sendiri. Pembiayaan pusat ini adalah dengan mengenakan bayaran yang berpatutan kepada ibu—ibu yang mahukan perkhidmatan itu. Dengan cara ini perkhidmatan wanita dalam mana-mana pekerjaan akan dapat diterus dan dikekalkan sehingga dia bersara.

Saya yakin objektif untuk menjamin perkongsian yang saksama di antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan matlamat di samping mendapatkan peluang dan faedah dari pembangunan akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ketara dalam RME ialah tidak ada lagi pengkhususan dibuat berhubung dengan dadah. Ini mungkin sata petanda baik. Masalah dadah ini tidak lagi begitu serius sepertimana 5 tahun atau 10 tahun dahulu kerana undang-undang yang sedia ada mungkin telah mencapai sebahagian daripada objektifnya untuk membenteras penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Walau bagaimanapan jumlah penagih dadah masih banyak dan Pusat-pusat Pemulihan yang dibina dahulu masih lagi ada dan penghuni-penghuni pusat ini tidak juga dikurangkan, banyak wang telah dibelanjakan bagi pemulihan dan kejayaannya masih lagi belum memuaskan.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian berhubung dengan Pusat Pemulihan ini. Apa yang dilakukan selama ini ialah usaha pemulihan

penagih-penagih di satu tempat yang dilindungi oleh manusia dan undang—undang, penagih-penagih tidak ada berhubung dengan dunia luar, secara langsung pada masa dalam Pusat Pemulihan itu. Selepas menjalani pemulihan ini penagih-penagih dipulangkan ke pangkuan masyarakat di mana perlindungan yang telah diberikan kepada mereka dahulu tidak ada lagi dan ramai di antara mereka ini terdedah kepada gejala—gejala yang tidak baik dan akhinya menagih semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tahu sama ada Kerajaan telah memikirkan cara-cara lain untuk memulihkan penagih-penagih dadah ini sepertimana, yang dilakukan oleh Badan Sukarelawan di Germany iaitu dengan izin, Zenenon International. Pusat Pemulihan ini terbuka kepada penagih—penagih dadah yang betul-betul mahu berhenti mengambil dadah. Mereka boleh pergi ke Pusat Pemulihan berkenaan untuk mendapatkan rawatan, syaratnya ialah dia betul-betul berasa hendak meninggalkan tabiat itu dan tidak mahu mengulanginya semula bermula pada saat itu dan akan berusaha menyumbang terhadap pembangunan pusat itu.

Pada masa rawatan dan selepasnya, penagih ini diberikan tanggungjawab di pusat berkenaan dengan kerja-kerja yang menguntungkan pusat itu. Mereka diajarkan kemahiran tertentu dan akhir sekali melibatkan diri dalam peniagaan dengan kemahiran yang telah diper—olehinya. Pada masa dalam pusat itu segala keuntungan yang diper—olehi sebahagiannya diberikan kepada penagih untuk perbelanjaan.

keperluan sendiri dan bakinya untuk menyara hidupnya di pusat itu. Penagih boleh meninggalkan pusat itu bila-bila masa sahaja. Pusat ini pula dibuka 24 jam dan tidak dilindungi oleh pagar-pagar besi atau manusia yang bersenjata dan sentiasa terbuka kepada siapa sahaja.

Kejayaan pusat ini mengekalkan bantuan Kerajaan tidak diperlukan. Ini ialah oleh kerana falsafah pemulihan yang dijalankan berasaskan kepada kemahuan dan azam menagih untuk dipulihkan.

Semasa di Pusat Pemulihan penagih-penagih diberi latihan pekerjaan sepanjang penagih di Pusat Pemulihan. Penagih tidak dipisahkan dari masyarakat umum. Jadi usaha memulihkan mereka itu bukan berpunca dari orang lain yang hendak memulihkan mereka, tetapi mereka sendiri mahu memulihkan diri mereka sendiri, dengan bantuan dan bimbingan pekerja-pekerja di pusat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekian. sahaja Saya menyokong Rancangan Malaysia Keenam (RME). Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Sila.

4.49 ptg.

Tuan Shuib bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang ini kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibentangkan di dalam Dewan sebentar tadi.

Saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan Kerajaan Barisan Naaional menjayakan Rancangan Malaysia Kelima dan Dasar Ekonomi Baru yang baru sahaja tamat pada tahun 1990 yang lalu. Kedua-dua rancangan dan dasar ini telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dari 22% kepada 162 bagi tempoh tahun tersebut.

Kerajaan juga telah berjaya mengembang dan mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi hampir 7% setahun dan ianya merupakan kadar pertumbuhan ekonomi antara yang tertinggi di kalangan negara-negara membangun.

Dengan berakhirnya Rancangan Malaysia Kelima yang lalu telah bererti bahawa kita telah berjaya menjalankan program-program Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJPI) dengan berkesan sekali, meskipun negara telah mengalami kemelesetan ekonomi di awal tahun 80an akibat kejatuhan harga komoditi barangan eksport kita. Meskipun begitu, Kerajaan terus-menerus mengadakan berbagai kemudahan dan pembangunan kepada rakyat dengan kemampuan kewangan yang ada. Melalui program-program pembasmian kemiskinan, pendapatan penduduk luar bandar juga telah dapat ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah berjaya melahirkan ramai usahawan baru sekali gus dapat mengurangkan jurang perbezaan di antara kaum di negara kita. Namun begitu, sepanjang Dasar ini dijalankan, berbagai kritikan dan ramalan dibuat kononnya DEB ini telah menyeleweng dan gagal mencapai matlamatnya. Bagi mereka yang berfikiran sempit pula mengatakan kononnya DEB ini hanya berjaya melahirkan beberapa kerat sahaja jutawan Melayu sedangkan yang lain masih terus miskin. Apakah dakwaan-dakwaan ini benar dan apakah DEB ini semata-mata bermakna pembahagian saham atau peluang perniagaan sahaja? Sebenarnya, sebagaimana kita sedia maklum, DEB yang dibubarkan itu bukanlah semata-mata pembahagian saham atau kontrak tetapi juga ianya meliputi segala aspek kegiatan ekonomi dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum DEB, kaum bumiputera yang berpelajaran tinggi amatlah berkurangan. Tetapi sejak DEB dilancarkan ramai daripada anak-anak orang kampung, anak-anak orang miskin, sudahpun berpeluang mendapat pelajaran dan sekarang telah berjaya dalam bidang profesion masing-masing. Malangnya, ada juga anak-anak dari program dasar ini telah melupa diri dan tidak pernah sedar bahawa mereka adalah hasil produk DEB. Mereka ini turut mengkritik dasar dan menjadi penentang Kerajaan.

Memang benar DEB telah berjaya melahirkan ramai jutawan Melayu tetapi kenapa perkara-perkara seperti ini diheboh-hebohkan. Sedangkan masih ramai lagi golongan jutawan dari bukan bumiputera. tidak pernah diperkatakan. Sepanjang DEB ini ramai juga di kalangan bukan bumiputera yang menikmati hasilnya melalui projek-projek usahasama.

Tuan Yang di-Pertua, semoga dengan kejayaan RRJPI ini akan membawa kita kepada RRJP2 yang lebih dinamik dan berjaya seterusnya mencapai matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju setanding dengan negara-negara maju lain di dunia. Rancangan Malaysia Keenam merupakan langkah permulaan kita ke arah matlamat tersebut. Saya berharap RM6 ini masih terus memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar yang masih tertinggal jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan perbandaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, Kerajaan perlulah memberi tumpuan yang terus-menerus untuk membangun dan memajukan kawasan-kawaaan mundur di luar bandar, dengan menyediakan berbagai kemudahan asas yang

setanding dengan kawasan-kawasan yang telah maju. Ini adalah kerana hampir 5.92 yakni hampir 10.5 juta penduduk di negara kita masih tinggal di luar bandar dan masih belum mendapat kemudahan asas tersebut dengan sempurna. Jadi, dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, kita harap program-program elektrik luar bandar, air dan jalan luar bandar dapat disediakan sepenuhnya menjelang tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyediakan projek-projek pembangunan dan kemudahan asas ini, Kerajaan sentiasa menghadapi masalah mendapat kebenaran daripada tuan-tuan tanah untuk dijadikan jalan pintas untuk membawa kemudahan asas tersebut ke kawasan-kawasan lain. Keadaan ini menyebabkan kerja-kerja terjadi tergendala. Oleh itu, kita berharap dan menyokong supaya Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) diteruskan dengan segera bagi mengatasi halangan-halangan tersebut demi masa depan rakyat dan negara.

Di samping menyediakan kemudahan asas ini. Kerajaan juga hendaklah menumpukan kepada usaha-usaha membasmi kemiskinan secara jitu. Dengan ini matlamat Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di paras 4% menjelang tahun 2000 akan tercapai, tetapi nampaknya usaha-usaha murni Kerajaan ini telah dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu. Mereka memandang tentang program pembasmian kemiskinan ini. Mereka mendakwa bahawa orang dalam memang telah ditentukan menjadi miskin. Pada hemat saya, pendapat ini adalah salah dan tidak menunjukkan semangat keislaman yang tulen. Sedangkan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. ada bersabda

bahawa kemiskinan itu mendekatkan kepada kekufuran. Oleh itu, orang Islam harus memerangi kemiskinan ini berhabis-habisan. Dakwaan bahawa orang Islam ditentukan miskin juga tidak benar kerana terdapat juga negara-negara Islam yang dikurniakan oleh Allah dengan hasil bumi yang kaya raya. Dengan sebab itu kita digalakkan berusaha dan bekerja seolah-olah kita akan hidup 1,000 tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya masyarakat yang hidup sama taraf, semuapun, mendapat tempat yang sama dan menikmati kekayaan negara sama rata maka dengan ini barulah kita berjaya mewujudkan sebuah negara Malaysia yang maju. Kesemua ini juga akan menjamin kestabilan politik yang sentiasa mantap dan keamanan yang berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menyediakan kemudahan asas dan membasmi kemiskinan secara bersepadu dan cepat di luar bandar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir telah memberi garis panduan mempercepat pembangunan luar bandar melalui program pembangunan kampung dan luar bandar pada tahun 1984 lagi. Tetapi setelah tujuh tahun berlalu. Program Halacara baru ini belum pun menampakkan kemajuan yang membanggakan. Dari apa yang saya tahu sejak dilancarkan pada tahun 1984 sehingga ke hari ini projek perintis tersebut masih berjumlah 32 buah dan hanya melibatkan 500 buah kampung di seluruh negara. Dari projek-projek tersebut hanya beberapa buah sahaja yang boleh dikatakan berjaya. Itupun projek-projek ini telah dimajukan oleh KADA dan FELCRA sejak tahun 1973. Sebelum dijadikan projek perintis di bawah Program Halacara baru, jika dilihat dari segi konsep visi dan matlamatnya, program ini cukup memberi hasil yang baik sekiranya ianya benar-benar dijayakan. Tetapi malangnya program ini dijalankan sekadar melepas batuk di tangga. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa melancarkan program ini pernah berpesan biarpun tidur tidak sebantol tetapi biarlah kita mimpi serupa. Sebaliknya, tafsiran pihak yang berkenaan dan agensi adalah lain. Mereka tidur sebantol, mimpi pula berlain-lain.

Di sini jelas sekali tidak ada kordinasi yang rapi dan saling bantu-membantu bagi menjayakan program yang amat besar faedah kepada penduduk di luar bandar. Pada prinsipnya 'filosofi program halacara baru ini sama dengan projek Saemaul Undong yang telah dilancarkan di Korea Selatan pada tahun 1970. Projek ini telah menampakkan satu kejayaan yang drastik pada tahun 1977 di mana pendapatan para petaninya meningkat dari 381 Wan (mata wang Korea) kepada 1,405 Wan. Menjelang tahun 1979 hampir keseluruhan kawasan luar bandar di Korea Selatan telah dimajukan melalui projek tersebut. Sedangkan program halacara baru sehingga kini hanya mampu melibatkan 500 buah kampung sahaja dan kita masih ada lebih kurang 11,500 buah kampung lagi yang perlu dimajukan. Dengan ini, saya berharap dalam Rancangan Malaysia Keenam ini pihak, Kementerian dan agensi yang bertanggungjawab dapat memberikan tumpuan yang sewajarnya agar program ini benar-benar mencapai kejayaan dan dinikmati oleh penduduk-penduduk di luar bandar seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua dalam program inilah diserapkan sistem ekonomi desa yang diusahakan secara *enterprise*, mengamalkan sistem kredit, penyediaan saluran pemasaran, penggunaan teknik-teknik moden, penyediaan prasarana dan mewujudkan kilang-kilang kecil. Jika program ini berjaya sekaligus, usaha Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar akan terlaksana. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana melancarkan program pembangunan keluarga termiskin pada tahun 1989 dengan peruntukan sebanyak \$390 juta dengan komitmen ditunjukkan oleh Kerajaan untuk membasmi kemiskinan ini diharap ianva mencapai kejayaan. Tetapi apa yang mendukacitakan

kita ialah program ini tidak berjalan dengan begitu teratur dan tidak ada penyelarasan yang rapi, koordinasi dan implementasi di peringkat negeri berbeza. Setengahnya mencapai matlamat dan ada pula yang tidak berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita membangunkan aspek fizikal kepada penduduk di negara ini, kita juga perlu meneruskan usaha membangun dan mengembangkan mental dan rohani penduduk negara ini, terutamanya golongan belia, yang bakal mewarisi kepimpinan masa depan negara kita. Di atas bahu merekalah mandat untuk menjayakan Wawasan 2020. Saya harap melalui Pelan Induk Belia Negara (PIBN) yang dilancarkan oleh Yang Amai Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Melaka baru-baru ini benar-benar dirancang untuk faedah dan masa depan belia. Pusat-pusat latihan dan rancangan latihan secara besar-besaran perlu diadakan. Semua ini bertujuan untuk menyediakan para belia yang terpelajar dan terlatih supaya dapat memenuhi pasaran pekerjaan dan dapatlah pula bersaing. Generasi muda kita perlu dilatih mengenai dasar negara yang sihat agar mereka menjadi seorang patriot kepada negara. Jikalau mereka menjadi seorang pekerja, mereka hendaklah menjadi pekerja yang taat dan setia kepada majikan ataupun negaranya. Mereka tidak mudah diperalatkan oleh sebarang anasir yang cuba menimbulkan sebarang ketegangan antara pekerja dan majikan. Perkara ini sudahpun berlaku di Korea Selatan di mana disebabkan pertubuhan buruh dibiarkan begitu bebas dan berpengaruh, ianya telah menimbulkan implikasi yang buruk, demonstrasi, piket dan mogok umum menjadi-jadi di Korea Selatan. Ekonominya turut merosot kerana kegiatan perkilangan, perkapalan, pembuatan turut berhenti. Korea Selatan yang sewaktu dahulu muncul sebagai pesaing Jepun, kini terus dirundung malang. Semoga peristiwa malang ini tidak akan menimpa negara kita.

Oleh itu, kita mahu semua warganegara ini perlu disemai semangat cintakan negara Malaysia ini. Ini kerana masa depan negara kita banyak bergantung kepada semangat dan patriotik serta polarisasi kaum dapat dikurangkan dan semua rakyat di negara ini menikmati pembangunan yang seimbang. Kita juga perlu mewujudkan generasi muda yang berilmu, berdisiplin, rajin bekerja dan percaya kepada diri sendiri. Dengan ini sahajalah mereka dapat bersaing dan bangsa—bangsa lain di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya menyokong penuh Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Tuan Hamid Edruce.

5.06 ptg.

Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad: Bismillahir—rahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bangun menyertai perbahasan mengenai satu perkara yang begitu penting yang akan menentukan nasib penting seluruh rakyat Malaysia dalam masa 5 tahun yang akan datang iaitu Rancangan Malaysia Keenam.

Izinkan saya untuk memberikan sekadar hujah dan pandangan, ulasan sambil saya menyokong agar Rancangan Malaysia Keenam ini diterima untuk dilaksanakan. Banyak yang telah diperkatakan tentang Rancangan Malaysia Keenam ini melalui perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sejak ianya mula diperkenalkan di Dewan Rakyat beberapa ketika yang lalu. Satu dasar yang memang kidea tunggu dan tahu saatnya akan tiba, tidak syak lagi menarik perhatian ramai rakyat, bukan sahaja daripada golongan kita, tetapi seluruh rakyat jelata yang berada di luar Dewan ini.

Jadi, saya sahaja menambahkan beberapa perkara yang perlu ditekankan ketika rancangan ini dilaksanakan kelak, khususnya yang berhubung dengan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam telah dibentangkan serentak dengan saat di mana Kerajaan memperkenalkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua iaitu asas bagi pembentukan Dasar Pembangunan Nasional. Ia juga turut termuat dalam satu panduan arah masa depan negara oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dikenali sebagai Wawasan 2020. Detik ini seperti sudah ditakdirkan sebagai bayangan bahawa negara ini, insya Allah, akan dianugerah dengan satu rahmat yang cukup banyak asalkan kita seluruh rakyat Malaysia sanggup bekerja keras, ikhlas dan jujur dalam tindak-tanduk menjalankan peranan masing-masing.

Kita mempunyai asas yang cukup banyak untuk meletakkan harapan ini. Pertamanya kerana bumi tempat kita berpijak ini bebas daripada bencana dan malapetaka yang terlalu buruk seperti yang menimpa negara-negara yang lain. Bumi kita yang kaya dengan sumber semula jadi, kita juga dianugerahkan dengan para pemimpin yang begitu komited dengan usaha-usaha pembangunan demi kesejahteraan rakyat. Apa yang dipertukan ialah kegigihan, kemahiran dan kepakaran kita untuk menimbalkan takdir supaya kita mencapai lebih banyak kejayaan lagi. Melalui dasar dan bimbingan yang telah diberi oleh Kerajaan kita selama ini maka majoriti rakyat kita memahami dan insaf akan tanggungjawab masing-masing yang tinggal di negara yang majmuk dengan tiap-tiap kaum memahami sensitiviti kaum masing-masing.

Saya berdoa agar semua hikmat dan hikmat ini akan terus kita kecapai buat selama-lamanya supaya kita dapat menumpukan lebih masa kepada soal-soal hendak membangunkan maruah bangsa dan kemajuan negara

Tuan Yang di-Pertua, bagi kami di Sarawak, pembentangan Rancangan Malaysia Keenam ini adalah satu detik yang sungguh penting atas sebab yang agak banyak. Sekali pun peruntukan ini masih kekurangan berbanding dengan peruntukan yang diberikan kepada kebanyakan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, namun jumlah \$3,003.2 bilion atau 5.8% daripada keseluruhan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, namun ia tetap merupakan satu angka yang cukup besar berbanding dengan yang diberikan pada Rancangan Malaysia Yang Kelima dahulu.

Biarlah, Dewan yang mulia ini mencatatkan rasa penghargaan dan ucapan terima kasih daripada seluruh rakyat Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan atas pertambahan ini. Peruntukan ini begitu bererti sekali bagi kami, kerana selama ini dirasakan bahawa Sarawak masih jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek pembangunan berbanding dengan rakyat kita di Semenanjung.

Apa yang lebih membanggakan ialah dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam, peruntukan itu sebahagian besarnya adalah untuk memperbaiki prasarana dan meningkatkan pembangunan insani. Bagi negeri Sarawak pembangunan prasarana adalah satu aspek yang memerlukan perhatian yang khusus dan keprihatinan yang lebih mendalam daripada Kerajaan.

Ini kerana kemudahan prasarana masih amat berkurangan sedangkan ia amat diperlukan untuk menjadi penggerak atau catalyst kepada perkembangan kemajuan negeri Sarawak dalam bidang-bidang yang lain.

Seperti yang telah dijelaskan dalam Kertas Rancangan Malaysia Keenam di Dewan Rakyat pada 10 Julai yang lalu, antara projek besar daripada segi prasarana yang ditampungkan oleh peruntukan ini ialah pembinaan jalan raya Kuching/Sibu, Jalan Kuching/Bau Lundu dan Jalan Penrisan/Batu Kawah/Petra Jaya yang baru. Sementara itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana memberikan perhatian yang begitu berat terhadap pembangunan jalan-jalan raya di Sarawak ini.

Saya juga ingin menyeru agar Kerajaan terus mengkaji keperluan untuk membina lebih banyak lagi jalan—jalan raya lain di Sarawak di samping, saya juga memohon agar Kerajaan memperbaiki jalan-jalan raya bertaraf sederhana, yang kini kebanyakannya masih dalam keadaan yang belum berturap. Keperluan terhadap prasarana jalan raya ada kaitannya dengan hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk menghubungkan lebih 5,000 penempatan sama ada di kampung ataupun di rumah panjang yang tinggal berselerak di Bahagian pelusuk negeri Sarawak.

Kerajaan Negeri Sarawak ingin mewujudkan penempatan ini menjadikan satu kawasan penempatan yang lebih besar dengan kemudahan asas yang mencukupi. Keperluan asas untuk mencapai hasrat ini adalah dengan membina jalan raya ke kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa aspek yang menarik perhatian saya dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam ini ialah tentang penekanannya terhadap mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini melalui satu

rancangan pembangunan untuk rakyat termiskin iaitu satu pekej kewangan berjumlah \$600 juta telah pun diperuntukkan untuk memenuhi keperluan ini. Yang menarik perhatian, saya pada rancangan ini ialah Kerajaan bukan sahaja mengolah atau merancang, khusus untuk membantu golongan termiskin tetapi ia juga telah menggubalkan satu rancangan, syor-syor ekonomi bagi mereka seperti meningkatkan penggunaan tanah terbiar secara komersial.

Saya sekali lagi ingin meminta perhatian Dewan yang mulia ini kepada masalah kemiskinan di Sarawak yang kadarnya masih tinggi berbanding dengan negeri-negeri yang lain iaitu berada di paras kira-kira 20% pada masa ini. Kerajaan Negeri Sarawak telah berhasrat agar kadar ini dapat diturunkan ke paras ke bawah 10% menjelang 2020. Ini adalah satu misi yang besar, tetapi saya yakin dengan adanya pekej bantuan yang begini besar daripada Kerajaan Persekutuan untuk semua rakyat di negara ini, maka masalah kemiskinan ini akan dapat dikurangkan dan cita-cita Kerajaan Negeri Sarawak akan dapat dicapai. Saya berharap agar perhatian dan tumpuan yang cukup berat diberikan kepada mengatasi masalah kemiskinan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyeru Kerajaan agar masalah setingan miskin yang tinggal di pinggir-pinggir bandar dimasukkan ke dalam rancangan bantuan ini. Ini kerana kebanyakan golongan ini adalah mereka yang daif dan memerlukan satu rancangan sosio-ekonomi yang khusus. Sekali pun, mereka duduk dengan secara haram atas tanah-tanah Kerajaan, mereka perlu diberi pembelaan, bukan sahaja dengan memberi satu tempat penempatan yang sesuai, tetapi juga dengan memberi bantuan daripada segi membangunkan tahap

kehidupan mereka kerana Kerajaan harus mengiktirafkan bahawa mereka memberi sumbangan yang cukup besar dan peranan yang agak penting dalam perkembangan sesuatu bandar tempat mereka bekerja sebagai buruh-buruh kscil.

Daripada segi sektor pertanian, saya berbangga sekali kerana dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, masih meneruskan pendekatan mengurangkan masalah kemiskinan melalui rancangan-rancangan seperti Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu, Penyatuan dan Pemulihan Tanah dan Khidmat Sokongan. Sesungguhnya rancangan-rancangan seperti ini telah terbukti sebagai satu kaedah yang berkesan ke arah mengurangkan beban kemiskinan khususnya di kalangan rakyat luar bandar.

Perkara ini amat ketara sekali bagi Sarawak. Kalaulah Sarawak boleh dikatakan serba kekurangan di segi yang lain, ia pasti amat kaya dengan tanah yang perlu untuk, diterokai bagi memberikan peluang hasil yang lumayan, kepada rakyat. Saya ingin memohon agar lebih banyak lagi rancangan pembangunan tanah terutamanya rancangan rancangan pertanian bersepadu dibuka di kawasan-kawasan yang sesuai di Sarawak. Sekiranya di Semenanjung satu strategi pembangunan tanah yang baru secara **insitu** dilaksanakan seperti yang digariskan dalam orientasi Dasar Pertanian Negara, di Sarawak strategi-strategi seperti itu saya rasa masih belum perlu kerana adanya tanah pertanian yang cukup banyak dan luas.

Saya juga berharap agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA dan FELCRA dan agensi-agensi Kerajaan dalam Kementerian Pertanian yang lain dapat mengembangkan kegiatan mereka di negeri Sarawak. Sementara kita menyalurkan berbagai rancangan pembangunan seperti ini, saya berharap agar Kerajaan juga turut memberikan perhatian

kepada aspek pembangunan manusia di kalangan masyarakat di luar bandar. Kita tidak mahu berlaku di mana taraf hidup rakyat luar bandar dapat kita tingkatkan dan mereka mampu mencapai segala nikmat pemodenan tetapi pada masa yang sama kita tidak mampu mengatasi masalah sosial yang mungkin timbul akibat daripada kemajuan **ini**, ataupun sekali pun kita mungkin berjaya meningkatkan pendapatan mereka tetapi kita tidak mampu untuk mengurangkan jurang perbezaan pendapatan di antara penduduk luar bandar dan di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang ingin juga saya sentuhkan dalam perbahasan ini ialah mengenai pembangunan industri khususnya yang berhubung dengan pembangunan industri di Sarawak. Seperti yang kita sedia maklum bahawa setiap negeri telah menggiatkan usaha-masing-masing untuk meningkatkan pendapatan daripada sektor **industri**. Rangka lima strategi ekonomi ~~maka~~ dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, semuanya mengarah matlamat untuk meningkatkan tahap ekonomi negara ini dengan mewujudkan dan menggalakkan pertumbuhan berbagai industri sama ada dengan menyediakan suasana dan insentif pelaburan atas pun mengukuhkan pasaran kewangan dan modal.

Dalam perkara empat strategi ekonomi makro ini telah dijelaskan tentang penekanan terus diberi kepada tahap pembangunan perindustrian dan negara perlu, mencebur diri dalam bidang hi-tech yang lebih canggih dengan mengeluarkan hasil yang bermutu tinggi.

Bagi Kerajaan Sarawak, usaha untuk meningkatkan industri menyumbang kepada pendapatan ekonomi memang cukup jelas. Penekanan telah diberi untuk diberi untuk mengembangkan bidang pembuatan, terutama yang berasaskan kayu-kayan melalui industri hiliran atau tambah-nilai.

Setakat ini bidang pembuatan menyumbangkan kira-kira 17% kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) Negeri Sarawak. Ini adalah menjadi hasrat untuk meningkatkan jumlah ini ke paras 34% menjelang abad ini.

Atas hal yang, demikian, maka saya berasa amat bersukacita sekali lagi Rancangan Malaysia Keenam ini memberi tumpuan yang cukup untuk mengekalkan sumbangan sektor pembuatan. Ini dapat dibuktikan dengan memberikan berbagai insentif dan galakan pelaburan kepada pengusaha di samping membuat berbagai strategi seperti Pelan Tindakan untuk Pembangunan Teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini gaya ingin menyokong agar usul Rancangan Malaysia Keenam ini diluluskan. Sekian, wa-Billahit taufiq wal-hidayah, Wassalama'alaikum warahmatullahi wa-barakatuh.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Senator Krishnan.

5.32 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut mengambil bahagian di dalam membahaskan usul Rancangan Malaysia Keenam yang baru-baru ini dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Seperti kita sedia maklum bahawa Rancangan Malaysia Keenam ini berasaskan kepada Rangka Rancangan Jangka, Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Nasional selaras dengan hasrat Rukunegara. Rancangan ini adalah rancangan pembangunan yang keenam di luar daripada Dasar Ekonomi Baru. Di dalam masa Dasar Ekonomi Baru, lima Rancangan Malaysia telahpun dapat dijalankan

Tuan Yang di-Pertua, banyak orang mengkritik mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Kita tidak boleh lupa bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah satu dasar yang digabungkan pada masa kita menghadapi satu cabaran di mana tidak ada perpaduan antara berbilang kaum di dalam negara ini. Apabila, kita menghadapi satu cabaran dan kekacauan di mana berbilang kaum tidak ada kepercayaan antara mereka, pemimpin-pemimpin kita telah menggubalkan Dasar Ekonomi Baru supaya daripada, dasar itulah kita boleh mengukuhkan perpaduan. Sekiranya tidak ada perpaduan, kita tidak boleh melaksanakan apa jua rancangan Kerajaan. Kita memang tidak boleh melaksakannya.

Ini sudahpun terbukti di seluruh dunia bahawa apabila ada kekacauan, rancangan-rancangan ekonomi mereka telahpun gagal kerana harus diadakan satu iklim ataupun suasana di mana satu-satu rancangan dapat diadakan dengan cemerlang. Oleh sebab itulah, Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa menitikberatkan betapa, perlunya, betapa mustahaknya perpaduan berbilang kaum.

Saya boleh katakan dengan bangganya di dalam Dewan yang mulia ini, daripada Dasar Ekonomi Barulah di dalam 20 tahun ini, kita dapat memperkekalkan perpaduan kaum. Daripada itulah juga ekonomi kita bertambah. Kalau kita boleh bandingkan pada tahun 1986 itu, kita menghadapi satu masa yang kurang baik di mana pengangguran ialah pada kadar 8.32 dan di masa itulah, di bawah Rancangan Malaysia Kelima, perkapita income kita meningkat kepada \$6,180 dan kadar pertumbuhan ekonomi yang paling tinggi ialah pada tahun 1990 — 9.12. Ini menunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada kelemahan—kelemahan di dalam Dasar Ekonomi Baru, tetapi Dasar Ekonomi Barulah menjadi satu asas untuk menggubal Rangka Rancangan. Jangka Panjang yang Kedua dan daripada itulah Perdana Menteri kita telahpun membentangkan Dasar Pembangunan Nasional dan daripada itu juga kita akan adakan satu lagi rancangan pada masa akan datang iaitu Rancangan Malaysia Yang Ketujuh pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujah-hujah pihak Menteri baru-baru ini untuk membasmikan ataupun mengurangkan golongan termiskin. Golongan termiskin terdapat lebih daripada 120,000 keluarga di mana Kerajaan membelanjakan \$600 juta. Ini saya sangat mengalu-alukan kerana kita ada satu vision, ada satu Wawasan 2020, di mana kita akan menjadi sebuah negara membangun. Pada masa itu, kita harus dapat mengurangkan atau membasmikan golongan-golongan termiskin.

Tuan Adam Kadir: Saya fikir bukan 'negara membangun', tetapi 'negara maju'.

Tuan C. Krishnan: Negara maju, developed country seperti Amerika Syarikat.

Tuan Adam Kadir: Yang Berhormat selalu ingat 'bangun' sahaja [Ketawa]

Tuan C. Krishnan: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, daripada rancangan ini, membasmikan atau mengurangkan kemiskinan bukanlah semata-mata usaha Kerajaan sahaja yang harus dibuat. Saya merayu supaya sektor swasta mestilah berganding-bahu dengan Kerajaan sebenar—benarnya untuk mengurangkan beban Kerajaan di dalam mengendalikan usaha mengurangkan kemiskinan iaitu golongan—golongan dalam 'hard-core poverty', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita telahpun dengan panjang lebar membentangkan Rancangan Malaysia; Keenam di mana beliau memberitahu bahawa Kerajaan akan meneruskan asas Dasar Ekonomi Baru di mana ada strategi serampang dua mata untuk membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih untuk memberitahu Dewan yang mulia ini, saya tidak nampak apa-apa kemajuan yang pesat di sektor perladangan. Walaupun di sektor-sektor lain kita boleh nampak kemajuan, tetapi di sektor perladangan masih mereka tidak menikmati sebarang kemajuan-kemajuan seperti yang kita rancangkan. Saya boleh katakan, Tuan Yang di-Pertua, dari segi perumahan, pada tahun 1973, Kerajaan telah mengumumkan bahawa Rancangan Perumahan Pekerja-pekerja ladang akan dilaksanakan di seluruh negara. Sekarang sudah sampai 18 tahun, Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini masih di dalam 'peti sejuk'.

Tuan Adam bin Kadir: Apa?

Tuan C. Krishnan: Peti sejuk.

Tuan Adam bin Kadir: Oh, refrigerator!

Tuan C. Krishnan: Refrigerator. Cuma kita dapat melaksanakan kurang daripada 15 rancangan perumahan iaitu daripada Cempoh 18 tahun, kita cuma dapat melaksanakan 15 rancangan perumahan. Ini bererti bagi setiap satu tahun, satu rancangan perumahan pun tak berjaya, dalam masa 18 tahun itu.

[Puan Ainon binti Ariffin **mempengerusikan Mesyuarat**]

Inikah satu pencapaian? Kita telah berjanji kepada golongan pekerja-pekerja ladang kita akan adakan perumahan bagi pekerja-pekerja ladang di mana Kerajaan benar-benar minat untuk adakan satu skim, tetapi skim itu tidak dapat dilaksanakan kerana di dalam skim itu ada satu syarat, apabila dan punya ladang membenarkan untuk mengadakan skim perumahan baru boleh dapat dilaksanakan. Memang tuan-tuan punya ladang tidak minat untuk mengadakan skim-skim ini. Apa Kerajaan harus buat, kita tidak lama lagi akan bincang satu Akta mengenai tanah di mana Kerajaan sekiranya perlu tanah untuk kemajuan ekonomi dan lain-lain aktiviti, Kerajaan boleh mengambilalih tanah itu.

Saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya kita mewujudkan skim perumahan **ini**. Sekiranya kita tidak ada undang—undang untuk mewujudkan skim ini, saya kurang yakin skim ini tidak akan dilaksanakan dengan baiknya. Oleh sebab itu, saya sungguh-sungguh berharap satu Akta akan dibentangkan di dalam Dewan ini sebelum Rancangan Malaysia Keenam tamatnya pada tahun 1995 di mana skim perumahan harus diadakan. Sekiranya skim seperti ini tidak dapat diadakan, kita haruslah bergantung kepada pekerja—pekerja daripada negara asing, seperti Bangladesh, Indonesia dan lain-lain. Oleh sebab itu, untuk menarik belia-belie kita supaya mereka meneraskan pekerjaan mereka di dalam ladang-ladang untak kita mengelakkan kekurangan pekerja-pekerja di dalam sektor perladangan, saya sungguh-sungguh berharap Kerajaan harus mengkaji balik dengan skim perumahan pekerja—pekerja ladang supaya membentangkan satu Akta di

mana tuan-tuan punya ladang harus mengadakan satu skim di mana pekerja-pekerja ladang adalah penduduk-penduduk negara kita. Mereka adalah warganegara tulin negara kita, mereka pun harus memainkan peranan penting di dalam pembangunan negara. They must be taken into the mainstream of the development, dengan izin,

Kerajaan kata Kerajaan tidak boleh bawa rancangan-rancangan di dalam sektor estet, dia kata itu swasta. Swasta itu memang tidak boleh dibawa kerana ini adalah tanah dipunyai oleh orang lain, tetapi penduduk itu bukan swasta. Penduduk itu adalah warganegara, dia jadi pengundi, dia memilih Kerajaan. Kalau kita kata ini adalah satu tempat swasta tidak boleh bawa pembangunan, ke mana mereka hendak mengadu? Mengada kepada tuan punya estet? Kalau dia mengadu kepada tuan punya estet, tak ada gunalah. Dia cuma boleh mengadu kepada Kerajaan yang mereka pilih. Oleh sebab itu, kalau benar—benar kita hendak menyusun semula masyarakat, kita kena mengadakan satu pelan induk, seperti pelan induk penswastan, pelan induk industri dan lain—lain. Kita harus adakan satu pelan induk supaya benar-benar kita harus mengatasi masalah pekerja-pekerja ladang.

Kalau kita tidak mengatasi, apa yang berlaku di ladang Sir Andrew itu adalah satu kejadian yang hams kita malu di mana pihak pengurus ladang enggan mendirikan rumah-rumah dan Jabatan Buruh telahpun bawa kes, itu ke mahkamah di mana pekerja-pekerja ladang telahpun beri notis supaya mereka keluar dari estet. Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Dato' Lim Ah Lek pergi ke tempat itu, beliau kata jangan ragu, saya carikan kerja di Pahang. Ini adalah satu cara di mana kita hendak selesaikan dengan ad hoc.

Puan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja ladang bukan daripada kuli sahaja. Keturunan India cuma 40%, yang lain—lain warganegara Malaysia 60%. Kita harus adakan satu pelan ataupun dasar atau kita harus mengendalikan masalah pekerja-pekerja ladang. Kalau masalah pekerja—pekerja ladang kita tidak dapat selesaikan, mereka akan jadi beban kepada negara. Mereka ingin menyertai di dalam pembangunan negara. Oleh sebab itu, satu masalah yang harus kita selesaikan ialah masalah perumahan.

Puan Yang di-Pertua, sudah 34 tahun kita sudah merdeka tetapi masih lagi ada bantuan modal, bantuan penuh di sekolah—sekolah kita. Alasan mereka sekolah itu terletak di tanah swasta, tanah estet. Tidak bolehkah Kerajaan kita mengambil tanah itu? Tanah itu bukan tanah tuan-tuan punya orang-orang British. Tanah ini dipunyai oleh orang-orang Malaysia, Perbadanan Nasional Berhad, Sime Darby, Guthrie. Mereka harus berikan tanah dengan harga yang berpatutan untuk sekolah-sekolah itu, barulah Kerajaan boleh membantu sekolah itu dengan kemudahan—kemudahannya. Satu golongan yang telah berkorban untuk membangunkan negara 100 tahun itu tidak bolehkah kita beri 5 ekar tanah ataupun 4 ekar tanah untuk beri pendidikan. Mereka itu sudah/dapat untung banyak. Taukeh sekarang belum dapat untung banyak, tetapi taukeh lama dari Britain itu sudah dapat untung banyak. Apa salahnya beri sekeping tanah di mana Kerajaan boleh memiliki tanah itu dan jangan adakan lagi istilah bantuan modal, bantuan penuh. Ini satu istilah, saya kurang senang. Kita ada satu Wawasan 2020. Kita jangan adakan istilah bantuan penuh dan bantuan modal.

Dengan cara inilah kita dapat menyelesaikan masalah pendidikan di dalam estet ini. Saya sungguh-sungguh berharap Kementerian Pendidikan memperbanyak tempat-tempat untuk kanak-kanak daripada kawasan estet, diperbanyak tempat-tempat di dalam sekolah vokasional di mana mereka akan menjadi satu warganegara yang berguna. Kalau eekiranya tidak ada, oleh sebab keadaan di estet itu sangat buruk, kalau boleh kita buat satu kajian.

Puan Yang di-Pertua, daripada 100 kanak-kanak yang menduduki Peperiksaan Darjah Emam, 95% gagal di dalam Bahasa Malaysia. Macam mana mereka boleh menduduki peperikaaan SRP? Lulus SPM lain, SRP tidak boleh lulus. Oleh sebab keadaan mereka itu sangat buruk, 65% gagal di dalam Bahasa Tamil. Macam mana saya tidak tahu. Kemen—terima Pendidikan hendaklah membuat kajian macam mana mereka boleh gagal di dalam Bahasa Tamil di peringkat Darjah 6.

Itulah keadaannya. Oleh sebab itulah mereka tidak boleh menjadi seorang warganegara yang benar—benar berguna kerana mereka gagal di dalam SRP. Kemudian mereka tidak tahulah macam mana, cara mana dan ke arah mana mereka akan pergi. Mereka akan menjadi pekerja-pekerja di estet, samalah itu jadi rotation seratus tahun. itu tidak berubah. Katanya, 'pi mi pi mai tang tu juga.

[Ketawa] Di satu tempat itu juga mereka duduk.

Oleh sebab itulah saya sungguh-sungguh berharap kepada Kerajaan supaya kita harua menyusun semula masyarakat di mana kita berpendapat bahawa oleh sebab kaum Melayu masih di kampung, kaum Cina di bandar, kaum India di estet, sebab itulah kita tidak dapat memperketatkan perpaduan dan 20 tahun nanti kita masih nampak tidak

ada perubahan. Apakah sebab dan punca tidak ada perubahan itu kita harus kaji dan kita adakan satu rancangan supaya sumber-sumbernya kita kena tackle masalah ini demi kepentingan negara, demi kemakmuran dan demi kemajuan negara.

Puan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan mengeluarkan kenyataan kuota bumiputera sekian percentage, bukan bumiputera; sekian percentage, dalam bukan bumiputera mungkin 60%, tetapi kaum India dahulu pun 1%, sekarang 0.9%. Kalau boleh, apabila ada kuotanya untuk bukan Bumiputera, harus ditingkatkan peranan kaum India supaya mereka dapat menikmati pembangunan negaranya. Kita ada cadangan seperti satu penentuan untuk perdagangan dan perindustrian bagi kaum bumiputera, saya mengalu—alukan kerana saya pernah bertugas di negeri Kedah di mana kampung-kampung di pedalaman di negeri Kedah masih lagi tidak menikmati kemudahan elektrik dan air dari paip. Itu masih ada. Kemiskinan di kalangan bumiputera masih wujud.

Puan Ainon binti Ariffin: Yang Berhormat, Yang Berhormat pernah berkhidmat di Kedah, patutlah pandai cakap loghat Kedah no.

Tuan C Krishnan: Terima kasih. Masih ada golongan daripada kaum Melayu di kawasan-kawasan pedalaman menghadapi masalah itu. Kerajaan harus menyelesaikan masalah mereka. Saya sebagai warga—negara Malaysia tidak ada batasan. Kemiskinan mahupun kaum Melayu, kaum Cina di kampung baru ataupun kaum India di estet atau di kawasan setingan harus kita selesaikan masalah itu.

Saya mengesyorkan supaya kita adakan satu akim di mana belia—belia kita khasnya daripada estet menceburkan diri mereka di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi seperti perdagangan supaya Kerajaan dapat mengadakan satu peruntukan khas untuk aktiviti ekonomi bagi pekerja-pekerja ladang.

Saya berharap daripada inilah kita dapat menyelesaikan masalah di estet. Saya pun sudah lima tahun menimbulkan masalah ini, tetapi Kementerian Sumber Manusia memberikan jawapan seperti yang biasalah, macam tape recorder, dia kata: "kita akan pertimbangkan, kita akan pertimbangkan." Bila dia hendak pertimbangkan?

Saya menasihatkan, kepada Menteri Sumber Manusia supaya benar-benar mengadakan satu mesyuarat dengan pegawai-pegawainya. Mungkin di sini ada pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Sumber Manusia, jangan marah saya. Saya menyeru kepada Menteri supaya benar-benar mengadakan satu, rancangan di mana masalah-masalah pekerja-pekerja ladang dari segi sosio-ekonomi dan dari segi pendidikan dapat diatasi oleh Kerajaan. Barulah kita boleh berbangga dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ataupun Wawasan 2020 di mana saya tidak maha golongan ini diketepikan di dalam pembangunan negara.

Saya sungguh-sungguh berharap tuntutan pekerja-pekerja ladang di dalam penyusunan semula, mereka cuma minta gaji bulanan pun belum dapat lagi. Macam mana itu saya pun kurang faham. Apa sebabnya Kerajaan campurtangan dengan majikan-majikan supaya mereka harus menerima gaji bulanan?

Saya dapat aduan daripada seorang pekerja Indian Muslim, katanya pada awal Muharram pengurus ladang minta mereka bekerja pada hari itu. Apa sebabnya pekerja-pekerja ladang tidak boleh menikmati curi-curi yang dinikmati oleh sektor lain macam sektor awam, gudang-gudang atau factory di mana mereka menikmati cuti-cuti yang diberikan oleh Kerajaan selain daripada cuti perayaan Hari Raya, Hari Raya

Cina dan Deepavali. Oleh sebab itu saya merayu supaya Kementerian Sumber Manusia dapat mengadakan satu Rangka Rancangan Jangka Panjang bagi pekerja-pekerja ladang.

Puan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokoag penuh Usul Rancangan Malaysia Keenam. Sekian, terima kasih.

Puan Aion binti Ariffin: Silakan Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail.

5.49ptg.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Puan Yang di-Pertua dan Ahli—ahli Yang Berhormat sekaliang, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas mengenai usul meluluskan Rancangan Malaysia Keenam dan apa yang saya akan perkata—kan juga tidak akan lari jauh daripada rakan saya yang bercakap tadi, tetapi saya akan hanya memperkatakan tentang masalah petani—petani yang ada di negara kita ini.

Dalam peluang yang diberi kepada saya, saya ingin menyokong penuh tentang usul Rancangan Malaysia Keenam bagi tempoh 1991 hingga 1995. Kita merasakan bahawa pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam ini akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat jelata.

Satu perkara yang cukup penting dalam melihat ke depan ialah tentang sesuatu yang menyentuh iaitu tentang bekalan makanan kepada hampir seluruh rakyat negara ini seperti beras dan juga makanan-makanan yang lain.

Dalam arus pembangunan yang pesat berjalan, kita tidak sepatutnya memberi penekanan yang terlalu berlebihan kepada pembangunan perindustrian semata-mata tanpa memikirkan tentang sektor pertanian yang mana sektor inilah yang banyak mengeluarkan bahan makanan bagi menampung para penduduk bandar yang nantinya kita sebut sebagai masyarakat perindustrian.

Puan Yang di-Pertua, izinkan saya merujuk dalam Kertas Rancangan Malaysia Keenam bagi tempoh 1991 hingga 1995, halaman 118. Kertas ini menyebut keluaran padi di lapan kawasan jelapang padi akan diteruskan. Sementara di kawasan padi di luar kawasan jelapang akan ditukarkan secara berperingkat-peringkat kepada tanaman lain yang dapat memberi pulangan yang lebih baik kepada petani. Dan kertas itu menyebutkan lagi dengan demikian keluasan tanaman padi akan berkurangan sedikit iaitu pada kadar 0.6% setahun kepada 645,700 hektar pada tahun 1995.

Walau bagaimanapun, daya pengeluaran padi akan meningkat kepada 1% setahun. Hasil dari itu pengeluaran akan bertambah daripada 1.59 juta tan metrik pada tahun 1990 kepada 1.6 juta tan metrik pada tahun 1995.

Perladangan berkelompok akan terus digalakkan untuk mencapai ekonomi bidangan dalam pengeluaran dan bagi mengoptimumkan pengeluaran ladang. Program bantu baja akan diteruskan tetapi kajian yang menyeluruh ke atas struktur harga padi akan dijalankan untuk menyediakan insentif yang lebih baik kepada petani bagi menghasilkan padi yang bermutu tinggi.

Puan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada catitan di atas, saya merasakan bahawa sektor pertanian, khususnya dalam pengeluaran padi negara patutlah diperluaskan supaya bekalan makanan padi untuk penduduk di negara ini dapat ditingkatkan kerana bilangan penduduk akan bertambah dan saya merasakan juga bahawa kawasan padi di luar kawasan jelapang mestilah diperbaiki agar kawasan padi dalam kawasan-kawasan ini diperluaskan penanamannya. Hal ini ialah bagi mengelakkan agar negara tidak mengimport beras dari negara-negara luar dengan kadar yang terlalu banyak.

Mengenai bantuan baja yang akan diteruskan kepada petani bagi menghasilkan padi yang bermutu tinggi, saya ingin memberitahu dalam Dewan yang mulia ini bahawa sistem pertanian kita pada masa ini ialah satu sistem pertanian kimia yang diimport dari negara barat. Dan jika kita benar-benar mahu memelihara kehidupan para petani dan sistem pengeluaran makanan dalam sektor ini maka kita harus memikirkan kembali tentang sistem pertanian yang ada pada masa ini.

Satu kajian telah menunjukkan bahawa setelah revolusi hijau dilancarkan 30 tahun yang lalu, tiada tanda-tanda menunjukkan masalah pertanian akan berakhir. Tetapi sebaliknya, kehidupan para

petani masih mengalami kesukaran. Kajian juga menunjukkan bahawa benih-benih tanaman seperti jenis padi hasil tinggi HYV yang ditaksirkan sebagai berkemampuan yang lebih tinggi dari yang sebenarnya telah mengecewakan kaum petani. Ini adalah kerana teknologi revolusi hijau yang diperkenalkan dan dimulakan di satu kawasan di bawah keadaan yang terbaik, dengan itu ia telah memberi hasil yang tinggi pada permulaannya. Ini diikuti dengan kemerosotan hasil apabila penggunaan HYV ini diperkembangkan kepada kawasan yang mutu tanah kesuburannya dan pengairannya adalah rendah. Dan ia menunjukkan jika pun hasil permulaan adalah tinggi, lebihan hasil yang banyak itu mengakibatkan kejatuhan hasil harga tersebut. Ini menyebabkan petani—petani terpaksa menanam dengan lebih banyak dan giat lagi untuk memelihara tahap pendapatan dan keadaan ini berlarutan dengan kerugian kepada kaum petani.

Pada awal tahun 1970an, satu siri kajian yang dipanggil "Global Two" atau "Dunia 2" telah dijalankan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu atau Program Pembangunan Bangsa—bangsa Bersatu untuk mengkaji kesan-kesan Sosial dan ekonomi yang disebabkan oleh revolusi hijau. Kajian ini antara lain membongkarkan kepalsuan revolusi hijau dan kegagalannya memperjuangkan nasib petani. Kebangkitan petani yang tertakluk kepada penggunaan teknologi moden dan modal yang banyak seterusnya membawa kepada kehancuran sistem pertanian tradisional yang mampu diri atau, dengan izin, self sufficient. Sebahagian daripada kesimpulan yang dicapai oleh kajian ini adalah seperti berikut.

Sistem makanan yang telah memelihara kebaikan manusia sejagat sepanjang sejarahnya sedang menghadapi kehancuran. Proses kehancuran ini membahayakan kemerosotan pemakanan orang—orang miskin luar bandar yang sekarang terpaksa membeli makanan di pasar atau di kedai dengan harga yang mahal. Ini berikutanlah dengan penghijrahan ke bandar demi mencari pekerjaan.

Pengangguran yang makin meningkat, perselisihan faham, kacau-bilau serta penindasan, pertanian modern seperti yang dilaung—laungkan oleh revolusi hijau itu bukan untuk mampu **diri**. Sebaliknya, penggantungan kepada bantu luar petani-petani ini terpaksa membeli biji benih, baja, bahan-bahan kimia, jentera, minyak serta khidmat nasihat yang dibekalkan oleh pihak asing. Benih—benih yang dikembang-biakkan oleh pasat-pesat penyelidikan mesti dibeli melalui pengedar—pengedar yang bertempat di luar kawasan petani atau jauh di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, petani-petani juga terpaksa bergantung kepada khidmat teknikal. Pembekal-pembekal kredit atau pinjaman institut dari luar Petani-petani terpaksa belajar memilih, mentafsirkan kod serta menilai berita dan laporan saintifik dan ekonomi yang diterima dari birokrasi yang ada atau bank atau stesen—stesen penyelidikan dan sebagainya. Ini meningkatkan penggantungan petani-petani terhadap rangkaian industri bandar yang membawa kepada beberapa pertukaran sosial.

Dilihat dari sudut lain, pengagihan faedah keuntungan yang diraih melalui teknologi revolusi hijau ini adalah cenderung kepada mereka yang berpengalaman serta mempunyai sifat dan lambang sosial yang perlu untuk berhadapan dengan lokasi bandar. Mereka yang hanya mempunyai, pengetahuan tradisi mengenai keadaan tanah, benih tradisional serta iklim tempatan atau yang seelok melakukan kegiatan pertanian serta tiada masa untuk mainan manipulasi pertalian bandar luar bandar adalah mereka yang kerugian. Kedudukan sosial ekonomi petani juga adalah penentu kejayaan kerana dia terpaksa bersaing dengan petani-petani lain untuk bekalan benih, bahan kimia, baja, air dan sebagainya.

Dalam hal kemungkinan pencapaian hak atau peluang bagi berbagai lapisan masyarakat dan diperbezakan untuk mendapatkan kemudahan—kemudahan secara adil dan saksama, bolehlah dianggap sebagai impian palsu. Faktor—faktor sosial dan ekonomi yang paling mempengaruhi satu sama lain serta mengukuhkan yang kaya dan berkuasa dan pada masa yang sama melemahkan yang miskin adalah satu kenyataan hidup yang paling asas serta berlaku dalam satu sistem pasaran terbuka. Kuasa ke atas bahan-bahan maklumat untuk sistem pengetahuan guaman, pentadbiran dan kewangan adalah terbuka kepada yang kaya dan yang berpengaruh sahaja. Seperti yang dinyatakan di atas, revolusi hijau adalah memihak kepada mereka yang berada.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menambah sedikit bahawa pengetahuan kepada faktor luar juga menyimpang dari keadaan mampu diri tempatan. Ia juga membayangkan kemusnahan sistem tradisional

serta sistem sosialnya sekali. Kini keputusan pertanian yang dibuat beralih kepada keadaan perniagaan serta politik nasional dan antarabangsa dan tidak lagi tertakluk kepada autonomi petani tempatan. Tanah yang berfungsi sebagai tempat perlindungan terakhir bagi kaum petani dari konfrantasi dan pengelutan kini bertukar tangan kepada golongan kaya dan berpengaruh. Jadi teknologi revolusi hijau jelas sekali akan mengakibatkan kehilangan tempat perlindungan terakhir iaitu tanah bagi para petani.

Gabungan revolusi hijau yang terdiri dari benih padi hasil tinggi. Bekalan luar seperti baja, bahan kimia, jentera serta tenaga untuk pengendalian adalah berbeza kerana ia menghendaki petani membuat pertukaran sekali gus dalam banyak aspek pertanian tradisional menghendaki petani melompat jauh di mana tiada pertalian di antara lama dengan yang baru. Petani perlu meminjam wang yang banyak kerana gabungan revolusi hijau ini adalah terlalu mahal sehinggakan petani yang biasanya telah berhutang akan terpaksa berhutang lebih banyak lagi.

Puan Yang di-Pertua, di sini jelaslah sekarang sudah diakui bersama oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun Institut Penyelidikan dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu atau Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu bahawa sistem pengeluaran dan teknologi pertanian yang dilaung-laungkan oleh revolusi hijau ini adalah cuma berniat untuk mengaut keuntungan paling banyak dalam masa yang singkat tanpa mengirakan kesan-kesan buruk sosial dan alam sekitar dan revolusi hijau juga gagal dan mengembangkan ekonomi tanaman eksport sambil mengabaikan pengeluaran makanan untuk

pengeluaran tempatan. Ianya bertujuan meninggikan pembangunan di bandar serta sektor-sektor bukan pertanian sambil mengorbankan masyarakat luar bandar dan di sudut yang lain revolusi hijau ini juga bertujuan memindah dan memiskinkan penduduk dan pekerja luar bandar.

Puan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ingin saya memberitahu kepada tuan-tuan dan puan-puan Yang Berhormat sekalian, bahawa tidak ramai yang kita tahu masa ini terdapat lebih kurang 2,785 jenis padi yang dikumpul dari Malaysia dan disimpan di Filipina dan Amerika Syarikat. Malangnya, hanya sedikit sahaja daripada jenis padi tersebut yang ditanam di negara kita ini. Sebaliknya, hanya beberapa jenis sahaja, itupun dari jenis yang digalakkan sahaja ditanam di sini, dan saya yakin bahawa; Malaysia akan kehilangan padi jenis tradisional kerana revolusi hijau akan memusnahkan padi jenis tradisional kita dan adalah lebih baik jika Malaysia dapat menyelamatkan benih padi tradisional kita sendiri. Di sini saya ingin menggesa agar Kementerian Pertanian memikirkan kembali tentang sistem pertanian yang ada dan apakah perlu kita harus mencari satu dasar pertanian yang baru di mana perlu diwujudkan gabungan antara sistem pertanian tradisional yang terpilih dan sistem pertanian moden yang canggih tetapi tidak merosakkan petani dan alam sekitar.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan sekalian, kajian menunjukkan bahawa sistem pertanian moden yang menggunakan baja kimia dan racun makhluk perosak telah banyak memusnahkan kehidupan seperti ikan air tawar dan menjejaskan kesihatan para petani itu sendiri. Walau

pun perlu kita akui bahawa sistem pertanian moden banyak memberikan kemudahan kepada petani serta meningkatkan pendapatan petani tetapi dalam masa yang sama peningkatan pendapatan petani menjadi semakin berkurangan akibat dari kenaikan kos input bahan kimia dan peralatan yang diimport. Racun makhluk perosak yang digunakan juga telah menambah beribu kes keracunan termasuk kematian dan sekarang ini didapati biji benih yang bermutu tinggi mudah terdedah kepada serangan makhluk perosak dan sehingga menjadi kebal kepada racun makhluk perosak dan inilah salah satu sebabnya kenapa hasil padi di Terengganu yang merosot seperti yang telah baru-baru ini kita dengar.

Puan Yang di-Pertua, kalau boleh saya menambahkan bahawa pada waktu ini beribu jenis benih padi yang tahan selama beberapa generasi terhadap serangan serangga lenyap dari ladang dan kebanyakan biji benih ini hanya terdapat di makmal penyelidikan yang kebanyakannya dikawal oleh agensi antarabangsa dan negara kaya. Jika kita terus melanjutkan sistem pertanian moden ini, ini bererti kita sedang mengheret para petani bergantung terus kepada Institusi Penyelidikan yang mengumpul dan yang membuat pettern benih yang berasal dari negara kita sendiri.

Puan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita amat berharap Rancangan Malaysia Keenam akan memberikan perhatian yang serius kepada sektor pertanian khususnya terhadap pengeluaran padi negara.

Sebagai satu sektor yang mengeluarkan makanan kepada hampir seluruh penduduk di negara kita ini, adalah tidak rasional jika kita lebih memberikan Tumpuan kepada pembangunan perindustrian semata—mata sedangkan sektor pengeluaran makanan kurang diberikan perhatian. Oleh yang demikian, Puan Yang di-Pertua, sebagai penutup ucapan ini amatlah wajar diberi perhatian tentang rasa bimbang yang pernah disuarakan oleh Pengarah MADA Negeri Kedah, tentang banyaknya tanah-tanah sawah di sektor kawasan Alor Setar yang telah diambil oleh pihak-pihak tertentu, untuk dijadikan projek pembangunan. Dan saya melihat pandangan Pengarah MADA Negeri Kedah itu adalah satu pandangan yang melihat jauh ke depan. Dan sekali lagi saya menggesa supaya pihak Kementerian Pertanian mengambilkira tentang pandangan ini. Dan dengan itu saya mengucapkan terima kasih dan menyokong Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibentangkan pada petang ini.

Sekian, terima kasih.

Puan Ainon binti Ariffin: Silakan Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee.

6.13 ptg.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua. Setelah meneliti kandungan Rancangan Malaysia Keenam yang meliputi tempoh 1991-1995, adalah merupakan Fasa Pertama pelaksanaan RRJP2

yang telah menyusun strategi, program dan projek yang akan dilaksanakan berpandukan kepada objektif Dasar Pembangunan Nasional.

Ucapan perbahasan saya adalah untuk menarik perhatian Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Keenam, yang saya fikir harus diambil perhatian dan diteliti dari beberapa sudut penting selaras dengan matlamat-matlamat Dasar Pembangunan Nasional yang antaranya adalah:

- (a) untuk mengurangkan dan akhirnya menghapuskan keadaan ketidaksamaan dan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi dalam negara, untuk menggalakkan perkongsiaan secara lebih adil dan saksama faedah yang, diperolehi daripada pembangunan ekonomi untuk semua rakyat Malaysia; dan
- (b) untuk menggalak dan memperkukuhkan integrasi nasional dengan mengurangkan jurang ketidakseimbangan yang luas dalam pembangunan ekonomi di kalangan negeri-negeri dan di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Dalam hal ini saya akan memberi tumpuan kepada dua perkara **iaitu:**

- (i) peruntukan per kapita Persekutuan kepada Negeri; dan
- (ii) peruntukan per kapita Persekutuan untuk jalanraya dan jambatan ataupun pembangunan bagi pengangkutan dan perhubungan.

Bagi peruntukan per kapita Persekutuan kepada Negeri, dalam Rancangan Malaysia Keenam peruntukan Persekutuan kepada Negeri Sabah

berjumlah \$2,307 juta atau 6.45% daripada jumlah peruntukan kepada negeri-negeri, iaitu sebanyak \$35,757 juta, tidak termasuk \$19,243 juta yang dikhaskah untuk projek pelbagai negeri.

Dari segi peruntukan per kapita, Sabah hanya mendapat \$1,683. Ini adalah nilai terendah di antara peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada negeri-negeri yang dikategorikan sebagai berpendapatan rendah. Negeri Perlis mendapat \$2,808, diikuti oleh Kedah dengan \$2,085 dan Sarawak dengan \$2,014 dan Kelantan yang menerima \$1,791, adalah yang kedua terendah.

Peruntukan Persekutuan yang rendah ini kepada Negeri Sabah lebih ketara lagi bila dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada negeri-negeri berpendapatan tinggi seperti Wilayah Persekutuan dengan \$3,900 dan Selangor dengan \$4,617 dan beberapa negeri berpendapatan sederhana seperti Pahang dengan \$2,828, Terengganu dengan \$3,587, Negeri Sembilan dengan 32,231.

Ingin juga dinyatakan di sini bahawa peruntukan Persekutuan untuk Negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Keenam dikenakan pengurangan atau potongan yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain iaitu sebanyak 1.8%. Peruntukan untuk negeri—negeri lain yang dalam kategori pendapatan rendah juga dikurangkan, tetapi kadarnya rendah, misalnya Perlis sebanyak 0.2%, Kedah sebanyak 1.2% dan Kelantan sebanyak 1.4%. Namun demikian, negeri-negeri yang saya sebutkan tadi mendapat faedah dari kesan tumpahan atau sampingan (*spill-over effect*), dengan izin, akibat pembangunan di negeri-negeri berpendapatan sederhana dan tinggi yang berhampiran. Kesan tumpahan atau sampingan ini cuma berlaku di

Semenanjung Malaysia di mana negeri-negerinya adalah berdekatan Sabah tidak menerima faedah tersebut disebabkan kedudukan geografinya.

Seperkara lagi yang saya utarakan untuk memberi perhatian kepada Kerajaan Persekutuan ialah peruntukan-peruntukan untuk Rancangan Malaysia Keenam. Untuk negeri-negeri berpendapatan sederhana seperti Melaka, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan yang telah dinaikkan peruntukan, walaupun telah dinyatakan di perenggan 2.16 muka surat 71, dalam dokumen Rancangan Malaysia Keenam:

"Bahawa perbelanjaan yang rendah adalah disebabkan infrastuktur asas dan program pembangunan luar bandar bagi negeri-negeri ini telahpun maju. Negeri—negeri yang sudah maju dari segi infrastruktur asas telah mendapat kenaikan peruntukan yang lebih tinggi daripada yang berpendapatan rendah."

Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah peruntukan kepada Negeri Sabah yang begitu rendah hanya akan memperbesarkan lagi perbezaan ekonomi di antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Dari segi pembangunan Sabah akan terus ketinggalan dengan negeri—negeri lain, dan ini akan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat tersebut terhadap Kerajaan Persekutuan dan akan menjadi batu penghalang integrasi nasional. Lebih-lebih lagi bila diambilkira bahawa Sabah terpisah dari Semenanjung Malaysia sejauh 1,500 km oleh Laut China Selatan. Keadaan ini sudah tentu tidak selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Nasional yang menyeru kepada pengurangan dan menghapuskan keadaan ketidaksamaan dan

ketidakseimbangan sosial dan ekonomi di negara ini supaya perpaduan nasional dapat ditingkatkan.

Puan Yang di-Pertua, sekarang saya akan membahaskan perkara yang kedua mengenai dengan peruntukan per kapita Persekutuan untuk jalanraya dan jambatan kepada negeri.

Jalan-jalanraya dan jambatan-jambatan di Negeri Sabah masih ditahap yang rendah dan tidak memuaskan baik dari segi kualiti mahupun kuantiti. Ini adalah salah satu sebab utama yang membuat Sabah dikategorikan sebagai paling kurang dimajukan. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan yang diberi kepada Sabah bagi jalan dan jambatan ialah \$390.4 juta. Ini adalah separuh daripada yang diperuntukan kepada Sarawak iaitu \$786.8 juta dan hanya 7% daripada yang diperuntukan kepada Semenanjung Malaysia, iaitu sebanyak \$5,577.6 juta. Ini adalah termasuk projek-projek pelbagai negeri.

Dari segi per kapita, Sabah menerima \$284.7 manakala Sarawak pula mendapat \$493.8. Untuk Semenanjung Malaysia nilai ini ialah \$398.9. Peruntukan yang sedikit untuk negeri Sabah adalah tidak adil lebih-lebih lagi jika perkara-perkara tersebut di bawah diambilkira:

- (a) penduduk Sabah dari segi kedudukan geografi adalah tertabur lebih luas dan kebanyakannya tinggal di luar-luar bandar;
- (b) saiz geografi Negeri Sabah adalah lebih besar daripada mana-mana negeri di Malaysia kecuali Sarawak. Saiznya adalah lebih separuh iaitu 5.6% saiz Semenanjung Malaysia;

- (c) perbelanjaan membina jalan—jalanraya dan jambatan di Sabah adalah lebih tinggi dibandingkan dengan di Semenanjung Malaysia. Ini adalah disebabkan oleh bentuk muka bumi yang berbukit-bukau dan juga kedudukannya yang agak jauh dari sumber bahan-bahan pembinaan.

Semua perkara-perkara yang telah disebutkan tadi akhirnya akan mengakibatkan panjang jalanraya atau bilangan jambatan yang dapat dibina dengan sejumlah perbelanjaan yang disediakan kepada Sabah adalah kurang daripada di Semenanjung Malaysia. Ini juga bererti bilangan orang yang boleh mendapat faedah daripada sejumlah peruntukan yang ditentukan untuk jalanraya-jalanraya dan jambatan—jambatan di Sabah adalah jauh lebih rendah dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia.

Adalah perlu untuk Kerajaan Persekutuan menaikkan peruntukan untuk jalanraya-jalanraya dan jambatan-jambatan di Sabah atas satu lagi sebab lain, Sabah adalah negeri yang kaya di Malaysia jika dipandangkan deri segi kemudahan mendapatkan tanah pertanian. Untuk mengeksploitasikan ini, jalanraya-jalanraya dan jambatan—jambatan perlu dibina. Jalan-jalanraya untuk tujuan pertanian adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Persekutuan. Eksploitasi tanah seterusnya adalah sejajar dengan kehendak Kerajaan Persekutuan untuk mengubah satu sektor yang bergantung kepada import bahan-bahan mentah seperti elektronik dan tekstil kepada satu yang bergantung kepada bahan-bahan mentah tempatan, iaitu bahan-bahan mentah pertanian. Sekiranya keadaan infrastruktur dan jalan-jalanraya ditingkatkan, saya percaya Sabah akan menjadi pembekal utama bahan-bahan mentah pertanian di negara ini.

Saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan pembinaan jalan-jalanraya yang memang sudah lama dinanti-nantikan iaitu jalanraya Beaufort-Sindumin, Sandakan-Lahat

Datu, dan Lebuhraya Tamperuli-Ranau di Sabah. Saya berharap semua projek ini dapat dilaksanakan mengikut program yang telah ditetapkan. Saya ingin membawa perhatian Kerajaan supaya dapat membina sebuah lagi jalan utama iaitu pembinaan Jalanraya Beaufort-Tenom. Tujuan pembinaan jalan ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan system komunikasi dengan pembinaan jalan—jalanraya terutama sekali di kawasan-kawasan yang mempunyai potensi pertanian dan pengeluaran bahan-bahan mentah pertanian. Pengeluaran utama pertanian di Tenom ialah getah, koko, kopi dan sayur-sayuran serta buah-buahan, selain daripada itu ia juga adalah salah satu tempat tumpuan pelancongan di kawasan pedalaman. Dengan terbinanya jalan baru ini kelak, pengusaha-pengusaha pertanian dapat menghantar hasil pertanian mereka lebih mudah ke Kota Kinabalu melalui Beaufort dengan kadar pengangkutan yang lebih rendah berbanding dengan masa **ini**, mereka terpaksa berpusing ke Jalan Tenom-Keningau, Tambunan-Penampang dan Kota Kinabalu.

Sebagai penggulungan, saya berpendapat bahawa peruntukan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Keenam, dalam konteks negeri Sabah adalah tidak munasabah dan tidak selaras dengan matlamat-matlamat Dasar Pembangunan Nasional untuk mengurangkan dan menghapuskan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi di kalangan rakyat Malaysia dan mengurangkan perbezaan-perbezaan dalam usaha untuk menggalakkan dan memperkuatkan integrasi nasional.

Saya ingin mengesyorkan agar peruntukan Persekutuan untuk negeri Sabah ditambah atas sebab-sebab yang berikut:-

- (i) ia dapat mengecilkan jurang perbezaan ekonomi di antara Sabah dan negeri-negeri lain. Dengan jumlah peruntukan yang sebegitu rendah yang diterimanya sekarang, Sabah tidak akan dapat mencapai, tahap pembangunan sepertimana yang terdapat di negeri-negeri lain di Malaysia;
- (ii) Sabah kaya dengan sumber tanah yang mana memerlukan bantuan Kerajaan Persekutuan dari segi pembinaan jalanraya-jalanraya dan jambatan untuk dieksploitasikan. Sabah mempunyai potensi yang luas untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Tambahan lagi satu daripada kriteria yang diambilkira untuk menentukan peruntukan Persekutuan kepada setiap negeri ialah kemudahan memperolehi sumber-sumber alam atau sumber-sumber lain untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Ini menjadi semakin perlu jika di pandang dari konteks mengintegrasikan ekonomi Malaysia supaya faedah daripada aktiviti-aktiviti sampingan dapat direalisasikan sepenuhnya.

Akhir sekali, saya berharap rakyat Sabah tidak diketepikan dalam pembahagian hasil kekayaan negara atas sebab PBS tidak lagi berada dalam Barisan Nasional. Rakyat Malaysia di Sabah ada menyumbangkan kepada hasil negara. Saya ingin menyatakan di sini bahawa PETRONAS yang telah memperolehi keuntungan sebanyak \$26 ribu juta sepanjang 10 tahun yang lalu, seperti yang dilaporkan oleh Yang

Berhormat Dato Wong See Wah, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Parlimen pada 11hb Julai, 1991. Satu pertiga daripada jumlah pendapatan ini adalah melalui aktiviti-aktiviti pengeluaran minyak di Sabah. Kerajaan Negeri Sabah adalah comitted kepada rakyat Malaysia di Sabah untuk menjaga kepentingan dan kemajuan mereka. Justeru itu, Kerajaan negeri akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Keenam supaya rakyat keseluruhannya akan mendapat manfaat dan kemajuan yang sewajarnya dalam ertikata Dasar Pembangunan Nasional yang sebenarnya.

Puan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Puan Ainon binti Ariffin: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak, bercakap? Silakan Yang Berhormat Tuan Saidin.

6.26ptg

Tuan Saidin bin Mohamad: Puan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Usul ini. Dalam perbahasan Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995, saya ingin, jua mengemukakan pandangan saya hasil daripada pengalaman untuk perhatian, kajian dan pelaksanaan oleh pihak Kerajaan.

Puan Yang di-Pertua, bagi mencapai fasa pertama pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 yang merangkumi Dasar Pembangunan Nasional, pengekalan pesat ekonomi negara dan dalam pelaksanaan mengurus kejayaan tidaklah banyak menimbulkan keraguan atau masalah untuk mencapai matlamat yang diharapkan, kerana kecekapan dan kesungguhan bekerja yang telah ditunjukkan oleh

semua pihak dalam negara kita. Kecekapan dan kesungguhan bekerja dalam Rancangan Malaysia Keenam pasti juga ditonjol bagi memastikan hasrat dan kehendak semasa dengan pembangunan yang mendadak terutama dalam sektor swasta. Pangembangan eksport barangan adalah juga suatu yang penting dalam mempertingkatkan produktiviti dan dikuatkan dengan iman dan agama. Dan Kerajaan pula terus melaksanakan dasar kerjasama yang produktif dengan swasta. Insya Allah negara akan mencapai cita-cita yang diharapkan.

Dalam merancang dan membuat program tidaklah sesukar yang hendak dilaksanakan. Yang demikian, maka saya akan banyak memperkatakan soal-soal yang bersangkutan dengan pelaksanaan, kerana pelaksanaanlah satu-satunya yang menjadi masalah di dalam pencapaian matlamat Kerajaan. Dan pelaksanaanlah juga yang selalu dibangkit-bangkitkan oleh rakyat sehingga menimbulkan suatu yang boleh menjadi orang lain mengambil kesempatan menimba di air yang keruh. Dengan menimbanya di air yang keruh membawa kesukaran kepada Kerajaan untuk membangunkan negara kita dengan lebih pesat pada masa hadapan.

Puan Ainon binti Ariffin: Yang Berhormat Tuan Saidin, oleh kerana jam kita telah menunjukkan tepat pada jam 6.30 petang, maka Yang Berhormat akan diminta menyambung ucapan Yang Berhormat pada 2hb Ogos, 1991, bersamaan dengan Hari Jumaat lebih kurang jam 4 petang, iaitu selepas Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini saya tangguhkan Dewan ini hingga pada hari esok, iaitu Jumaat, 2hb Ogos, 1991, jam 3.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

